KOLEKSI ARKIB U.P.M. 40130

akhbar
MAHASISWA
*yang dinamik, yang progresif*
Universiti Pertanian Malaysia

Jilid 2 Bil. 1 September 1990

# 90 PERATUS PELAJAR BARU LEMAH BAHASA INGGERIS

**Oleh ZAIN ARIFF**

Hanya 9.8 peratus sahaja daripada 1,882 pelajar baru sesi 1990/91 yang pertama kali menduduki ujian penempatan Bahasa Inggeris yang dikecualikan daripada mengikuti kelas kemahiran Bahasa Inggeris bagi semester Julai ini.

Menurut Penyelaras Bahasa Inggeris, Jabatan Bahasa, Encik Malachi Edwin, kira-kira 400 pelajar menduduki Kemahiran Bahasa Inggeris Tahap 1 (BBI 200), manakala 1000 pelajar mengikuti BBI201 dan BBI 202.

Pihaknya juga terpaksa menggunakan tenaga luar untuk membantu mengendalikan kursus ini dan dianggar seramai 25 pensyarah luar terbabit yang dipilih berdasarkan kelayakan yang ditetapkan.

Setakat ini belum ada lagi masalah besar yang timbul terutama daripada pelajar walaupun sehingga kini jumlah pelajar yang menduduki kemahiran ini seramai kira-kira 2,500 semuanya.

Beliau menasihatkan pelajar baru supaya merancang dengan baik dan sistematik untuk mengikuti kursus kemahiran Bahasa Inggeris ini.

Katanya, masa yang paling baik ialah pada semester pertama dan tamat semester ketiga kerana memudahkan pelajar membuat rujukan buku Bahasa Inggeris setelah mahir menguasai bahasa itu.

Pernah berlaku pelajar terpaksa menambah semester tambahan kerana gagal menduduki kertas ini dan perkara seumpama ini bukan sahaja merugikan pelajar itu tetapi banyak masa terbuang disebabkan perancangan yang tidak baik.

Encik Edwin berkata, belum ada lagi pelajar gagal kursus ini dan beliau menasihatkan pelajar supaya belajar bersungguh bukan sahaja untuk lulus tetapi sebagai ilmu yang perlu didalami untuk masa depan masing-masing.



*Sebahagian daripada pelajar baru UPM. Sebahagian besar daripada mereka lemah Bahasa Inggeris.*

# PELAJAR MESTI BERANI, AGRESIF DAN MENONJOL — PROF. SULAIMAN



***Akhbar Mahasiswa** berpeluang mewawancara Timbalan Naib Canselor (HEP), UPM, Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin di pejabatnya, baru-baru ini. Wawancara itu berkaitan isu-isu semasa seperti orientasi, akademik, kokurikulum, Persatuan Luar Kampus, kad matrik dan bangunan pusat pelajar. Ikutilah wawancara Ketua Pengarang AM, Sdr. Zain Ariff dengan TNC (HEP), UPM selanjutnya.*

**AM :** Prof. ingin ucapkan selamat datang kepada pelajar baru sesi 1990/91.

**TNC :** Saya mengalualukan kedatangan mereka. Ini adalah satu pengalaman baru dan perlu mengambil kesempatan meningkatkan tekad untuk hidup dalam sistem pengajian yang berlainan daripada sekolah.

**AM :** Berapa ramai pelajar baru sesi ini.

**TNC :** Lebih kurang.

**AM :** Bagaimana perjalanan Minggu Suaikenal sesi ini. Maksud saya adakah berlaku gejala buruk atau negatif?

**TNC :** Tidak ada yang serius. Banyak perubahan jika dibandingkan dengan tahun lalu.

**AM :** Maksud Prof. matlamatnya tercapai.

**TNC :** Ya. Ini banyak bergantung kepada fasilitator. Kami memilih mereka yang mendapat GPA 2.7 ke atas dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk mengendalikan suaikenal. Termasuk juga fasilitator yang dipilih dari segi kerohanian dan keagamaan, malah dibantu oleh Bahagian HEP. Keduanya, fasilitator diberi latihan yang sesuai dan dilarang bertindak kasar atau mengherdik pelajar baru.

**AM :** Nasihat Prof. kepada pelajar baru di bidang akademik.

**TNC :** Sistem semester mesti difahami secepat mungkin kerana ia memerlukan pelajar sentiasa berwaspada dalam semua pengajian. Ada penilaian bulanan, setengah dan akhir semester. Ini kunci utama. Kalau semester pertama mendapat prestasi yang rendah akan membebankan pada semester seterusnya.

**AM :** Bagaimana pula tentang kokurikulum.

**TNC :** Kokurikulum juga penting. Pelajar perlu pandai membahagikan masa akademik dan kokurikulum. Ia juga sebagai pelengkap dalam pendidikan di universiti.

**AM :** Tetapi ada pendapat mengatakan bahawa sistem semester ini sedikit sebanyak menghalang pelajar bergerak cergas di bidang kokurikulum. Apa pendapat Prof.

**TNC :** Bergantung kepada pelajar. Kalau dia tak mahu aktif, mereka beri banyak alasan, seperti tinggal di luar kampus. Ini ada berita baik. Tidak lama lagi beberapa kokurikulum akan dikreditkan tetapi belum ditetapkan. Kertas kerja telah siap dan akan dibentangkan kepada senat. Langkah ini akan menarik lebih ramai pelajar menyertai bidang tersebut.

**AM :** Berbalik kepada soalan tadi, adakah sistem semester ini menyebabkan pilihanraya PMUPM begitu muram dan sehinggakan ada fakulti yang tidak ada calonnya.

**TNC :** Kita tidak boleh mengatakan bahawa PMUPM tidak begitu menonjol kerana bukan PMUPM sahaja yang menjalankan kegiatan tetapi persatuan dan kelab turut terbabit.

Bagaimanapun MPP ada sedikit kekurangan. Mungkin disebabkan tidak ada pertandingan semasa pilihanraya menyebabkan para pemimpinnya tidak perlu bekerja keras. Kalau boleh biarlah ada pertandingan semoga pemimpin yang dipilih terpaksa menunaikan janji-janjinya.

**AM :** Kita sudah maklum, kolej kediaman mempunyai kelengkapan secukupnya. Tetapi bagaimana pula dengan pelajar luar kampus yang hampir 3000 pelajar semuanya. Adakah mereka menikmati keistimewaan seperti pelajar dalam kampus.

**TNC :** Mereka tidak diabaikan. Sistem lama mereka masih terikat dengan kolej berkenaan dan akan mewakili kolej itu dalam pertandingan antara kampus. Kini Persatuan Luar Kampus diwujudkan dengan perlantikan Pengetua dan ahli jawatankuasanya.

Kita mengagihkan kewangan untuk PLK membeli alat sukan dan lain-lain peralatan. Mungkin diberi kemudahan lain seperti tempat mesyuarat.

Diharapkan bangunan pusat pelajar dalam RM6 akan menempatkan bilik persatuan pelajar, bank, pejabat agensi pelancongan, restoran, koperasi dan sebagainya.

**AM :** Bermula semester ini, pelajar diwajibkan memakai kad matrik, malah ada yang kena saman tidak memakainya. Mengapakah ia baru dikuatkuasakan?

**TNC :** Sebenarnya kad matrik perlu dipamerkan semasa dalam kampus. Bahagian Keselamatan mengambil tindakan menguatkuasakannya. Ini untuk memudahkan pihak keselamatan mengenali pelajar UPM. Kampus ini besar, macam-macam boleh berlaku.

**AM :** Pada pendapat Prof. secara umumnya, apakah corak mahasiswa yang ingin UPM lahirkan.

**TNC :** Mereka boleh menyesuaikan diri da-

ke muka 15

as/M 1990 14

***"Agaknya demikian pengertian sahabat, ianya menjangkau keluar jauh dari garis warna kulit, keyakinan, bangsa, jantina, rupa atau gaya dan macam-macam lagi sempadan bikinan manusia. Di sinilah bermulanya pengertian terhadap "Hati dan Budi" .... itulah mahasiswa dan itulah ko-kurikulum dan ........ ITULAH MENARA GADING!"***

# SATU NOSTALGIA

## KISAH BENAR DARI EKSPIDISI SERDANG — PORT DICKSON 4 - 10 JUN 1990



*Megah menjulang bendera universiti*

Tepat jam 11.00 malam kami mula bergerak meninggalkan balai raya Kampung Bemban. Kali ini, lain dari kali-kali yang lalu, kerana kali ini kami semua mengerti perjalanan dengan berjalan kaki dari Serdang ke Port Dickson sudah sampai pada tingkat terakhir. Besoknya pada 7 Jun 1990, insya-Allah, kami tiba di Port Dickson iaitu di Baitul Hilal. Meskipun suasana riang menyelubungi kami ketika itu, tapi perasaan sedih kerana meninggalkan ibu dan bapa angkat di Kampung Bemban itu lebih dulu dan berjaya menawan perasaan kami. Apalagi bila terlihat ibu-ibu dan bapa-bapa angkat itu terisak-isak kerana berpisah dengan kami. Walaupun kami hanya menjadi anak angkat tidak sampai 10 jam pun tetapi perasaan mereka jelas sugul dan muram. Teriakan-teriakan gembira adik-adik angkat yang masih kecil yang masih belum mengerti apa-apa itu turut menambah kepada kepiluan suasana.

Sekali lagi semua kami berpakaian hebat, dengan seluar dengre, dengan baju panas nipis dan topi atas kepala sementara Habersek pula tergantung di bahu dan dengan perasaan gagah kami mula mengorak langkah meninggalkan balai raya itu. Sebelum itu kami bersama penghulu kampung dan ibu-ibu serta bapa-bapa angkat telah sama-sama memohon doa agar perjalanan kami ke Port Dickson malam itu akan selesai dengan selamatnya. Di celah dua bendera iaitu bendera Malaysia dan Bendera UPM kami melintasi 'flag off' itu dengan gagah sekali. Siswa siswi yang seramai 47 orang dengan penuh bergaya meninggalkan tempat tersebut, setapak demi setapak, bagaikan sekumpulan penjelajah yang terlatih.

Malam itu cuaca kelihatan baik. Tiada tanda-tanda malam akan hujan. Aku masih teringat pada petang semalam, semasa melalui bandar Seremban. Kami diserang ribut taufan dan hujan yang lebat. Aku masih teringat bagaimana siswa-siswi mengharungi taufan dan hujan lebat itu. Basah kuyup! Kata seorang siswaku secara nakal, Nasran namanya dari Program Perakaunan "Basah sebasah-basahnya, sampai seluar dalam pun basah." Begitulah lebatnya hujan pada petang semalam dan selama lebih tiga jam kami mengharungi hujan dan taufan tersebut. Aku masih teringat bahawa aku telah menahan mereka supaya tidak meneruskan perjalanan di dalam hujan dan taufan itu. Tetapi seorang lagi siswaku, Tan namanya, dari Program Pendidikan Jasmani segera menyangkah "En.... juga yang mengajar kami, jika mahu menjadi manusia hebat — kami harus belajar menguasai alam" kata-katanya ini segera mendapat sokongan padu. Aku mengalah. Terasa seperti dipulangkan balik "buah keras".

Kesepian macam disepanjang jalan Seremban — Port Dickson malam itu dipenuhi dengan senyuman dan ketawa serta nyanyian lagu-lagu yang menaikkan semangat. Siswa-siswiku dengan galak bercerita tentang pengalaman dengan keluarga angkat masing-masing. Almaklumlah masa itu musim buah. Durian, rambutan dan manggis menjadi habuan siswa-siswiku. Begitulah murahnya hati keluarga angkat. Aku mendengar satu cerita menyatakan seorang siswa Sukri namanya dari Program Diploma Pertanian telah disengat oleh beberapa ekor penyengat semasa memanjat pokok manggis. Bila ditanya "Tak sakit" katanya dengan ketawa dan sambil berjenaka dia menambah "mana boleh sakit, heroine ada di bawah." Seorang siswa memberitahu aku Azizi namanya, dari Program Komputer, "Saya kan... duduk atas buah durian sambil makan buah durian.... macam tu punya banyak!!!" Aku hanya tersenyum mendengar toraknya tanpa sebarang komen. Begitulah siswa-siswi itu dengan aku. Pendekata malam itu penuh dengan cerita buah-buahan dan cerita durianlah yang lebih. Malah bukan telinga saja mendengar tentang buah durian, hidung pun turut terasa.

Malam kian larut. Hari telah bertukar menjadi 7 Jun. Kedinginan malam kian terasa. Kesepiannya menusuk jantung hati. Siswa-siswiku bertambah tempang jalan mereka. Kaki yang melepuh di sana sini, nyata sekali tidak mahu berkompromi walaupun dalam cuaca dingin. Siswa-siswi kedengaran merenget-renget kerana sakit kaki. Tetapi yang menjadikan aku bangga dengan mereka ialah aku tidak pernah dengar walaupun seorang daripada mereka yang berkata atau bersungut menyesal kerana mengikut Ekspidisi Jalan Kaki ini. Inilah yang sangat aku kagumi, mereka tidak pernah menyesal setelah membuat keputusan!

Cerita-cerita mengenai durian sudah tiada lagi. Masing-masing terpaksa melayan penat dan letih. Sang bayu mula bertiup perlahan menambah kedinginan malam. Empat puluh tujuh penjelajah UPM sengit berjuang dengan diri untuk mengangkat kaki dan menghayun kaki. Setapak demi setapak dan setiap satu langkah yang dibuat, ianya penuh dengan makna dan penderitaan. Setiap inci jalan dari Seremban ke Port Dickson menyaksikan betapa hebatnya kesakitan yang dirasai. Suasana malam bertambah hening dengan gumpalan-gumpalan awan hitam mula menyelubungi malam. Sang bayu yang bertiup perlahan tadi sudah disertai oleh titisan-titisan kecil air yang turun dari langit. Ditambah dengan pokok-pokok getah di kiri kanan jalan, malam menjadi gelap, hitam dan pekat. Manakala suasananya menjadi sayu, pilu dan hening. Empat puluh tujuh penjelajah tetap terus merangkak berjalan!

Tiba-tiba di dalam kesayuan dan keheningan malam, terpancar keluar secara mendadak jeritan yang kuat dan lantang daripada seorang siswi. Jeritan yang lantang dan berirama yang sedemikian rupa menjadikan kami semua gerun, terpegun dan terpukau. Dalam suasana itu satu tubuh bergerak secara tak tentu hala dan kemudian lari keluar menyeberangi jalan entah ke mana tujuan. Aku tersentak. Aku pasti yang tubuh itu adalah salah seorang daripada penjelajah siswi. Aku lantas beri arahan "Tangkap. Jangan biarkan dia berlari!" Aku melihat tidak ada seorang pun yang menurut arahan aku. Ini membuatkan aku terpaksa menempit lebih kuat. Tempiran kali yang kedua ini barulah siswa-siswi lain tersedar dan beberapa orang dari mereka mengejar dengan pantas. Aku lihat Rashid, pegawai dari HEP mengepalai sekumpulan siswa-siswi tadi dan bunyi bising suara-suara



*Bergambar ramai setelah berjaya menamatkan perjalanan.*

cemas mulai kedengaran. Rashid, aku dengar terus mengarahkan siswa-siswi membawa siswi tersebut balik dalam barisan. Siswi tadi kelihatan dalam samar-samar meronta-ronta dengan kuat sekali untuk melepaskan diri dan bila aku hampiri, aku dengar:

"Lepaskan aku, lepaskan aku! Aku takut!"

"Apa yang kau takutkan?" Rashid bertanya dengan suara lantang.

"Mulutnya BESAR mahu menelan aku." Seram aku mendengarnya.

Aku terus beri arahan lagi pada Adida iaitu seorang lagi pegawai dari HEP.

"Bawa dia ke dalam bas, rehatkan dia dan kamu Nuteh cari manamana pelajar untuk baca ayat-ayat suci kepadanya. Yang lain baca apa yang boleh.

Aku tidak mendengar apa-apa jawapan daripada kedua-dua pegawai tadi tapi aku nampak arahan aku terus dipatuhi.

Suara dari siswi yang malang itu masih tetap kedengaran. Menjerit-jerit! Menakutkan. Aku terus toleh ke belakang dan aku memberi arahan kepada Rashid supaya mengarahkan kumpulan segera bergerak keluar dari kawasan tersebut dan beliau mesti berada di hadapan sekali sementara aku pula akan berada di belakang. Hanya beberapa langkah setelah memberikan arahan, kumpulan nampaknya beransur tenang walaupun masih tiada siapa yang bercakap-cakap ataupun berbisik-bisik. Yang kedengaran ialah bacaan-bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Tiba-tiba sekali lagi seorang siswa lain pula menjerit dengan suara yang tidak dapat digambarkan. Hebat dan menyeramkan! Sekali lagi kumpulan panik. Walaupun siswi ini tidak berlari tetapi jeritannya cukup membuatkan aku tersentak dan terkejut lagi. Aku dengar Rashid dengan pantas memberikan arahan supaya siswi-siswi lain supaya menenteramkan siswi tersebut. Ketika itu aku juga mendengar suara tangisan terisak dan tertahan-tahan, walaupun tagisan sayu itu terlalu perlahan. Aku faham akan tangisan itu! Dalam aku mencari-cari dari mana tangisan yang tertahan-tahan itu tiba-tiba satu suara dari siswi yang lain pula menjerit dengan suara yang garau dan menyeramkan. Kali ini aku tidak payah beri perintah lagi kerana aku lihat tiga empat orang siswa dan siswi terus memegang siswi berkenaan. Saat inilah aku mula merasai sesuatu yang sangat sukar untuk digambarkan. Aku cukup bimbangkan risau kerana boleh jadi semua sekali penjelajahku mungkin sekali akan terbabit sama. Aku juga risau kepada diriku, takut-takut kalau aku sendiri kehilangan akal, dan siapa yang akan melihat jaga mereka. Dan macam-macam perasaan bercampur baur dengan itu dan ini yang tak tercapai oleh pena untuk mengukirnya.

Dalam sekelip mata aku teringat ketika siswi ketiga menjerit-jerit dan tanpa perintah aku atau perintah dari Rashid beberapa penjelajahku secara automatik menangkap dan mengawal siswi tersebut. Aku mula memahami bahawa ada di antara siswa-siswiku yang sangat cekal hatinya. Satu petanda baik dan aku mula yakin!

Sekali lagi jeritan kuat dari siswi pertama kedengaran dari dalam bas. Aku terus memberi arahan kepada Rashid supaya terus membawa kumpulan berjalan. Aku juga meminta Penghulu Zurkarnain Fauzi namanya dari PMBP supaya menjaga di tengah-tengah kumpulan yang sedang berjalan dalam dua barisan itu. Aku juga meminta Wan pelajar yang tinggi lampai yang bermisai dari Program Bacelor Pertanian supaya menjaga di belakang. Sementara aku menjengah siswi yang di dalam bas tadi.

Di dalam bas aku melihat lebih kurang 6 atau 7 orang siswa-siswi dengan sungguh-sungguh sedang membaca ayat-ayat suci al-Quran. Aku lihat Kassim dari HEP juga turut sama berada di situ tapi aku lihat kemudiannya dia diminta ke belakang sedikit oleh Nuteh jururawat yang mengiringi kami, supaya undur ke belakang sedikit. Boleh jadi kerana pada malam itu Kassim memakai jubah yang besar dan panjang.

Siswi yang malang itu masih tidak berubah. Aku memerintah supaya bas berjalan perlahan-lahan dan memintanya hanya dua orang siswi, seorang siswa dan Nuteh sahaja yang berada di dalam bas, yang lain aku minta berada kembali dalam kumpulan. Aku juga memerintah supaya Md. Noor dan Usop, kedua-duanya dari HEP supaya mencari Zul yang berada di dalam kumpulan dan kemudian terus ke kampung Bemban untuk memberitahu kepada penghulu kampung itu akan kejadian yang kami alami. Aku berharap mendapat pertolongan dari mereka.

Aku kembali ke kumpulan. Kedengaran semua siswa-siswa membaca ayat suci Al-Quran. Suasana tetap hening dan menakutkan ditambah pula pada saat itu terbau bau-bauan yang sangat luar biasa. Ini menjadikan kami semua bertambah tegang dan panik dan macam-macam aku dapat rasai perasaan siswa-siswiku. Pancaindera aku bergerak untuk mencium dan merasai perasaan siswa-siswi walaupun malam begitu sepi, sayu dan seram. Aku mengambil keputusan untuk merenung setiap muka siswa-siswi. Aku lakukannya dengan harapan untuk menaikkan semangat mereka. Kesemuanya menganggguk ketika aku merenung setiap dari mereka. Untuk kali pertama dalam hidupku

ke muka 4

# HARAPAN UNIVERSITI KEPADA PELAJAR BARU



***Mahasiswa diberi kebebasan untuk memilih cara hidup di kampus ini dan boleh memilih pelbagai kegiatan kokurikulum yang hendak diceburi.***

***Kebebasan ini bermaksud menggunakan sumber universiti seperti perpustakaan dan ladang untuk mempertingkatkan ilmu serta kebebasan untuk berbincang dengan pakar dalam dan luar universiti.***

***Setiap pelajar bebas untuk berbincang sesama sendiri, dengan pensyarah dalam bilik kuliah, bebas menyoal pensyarah dan bebas untuk berbahas bukan sahaja isu-isu yang membabitkan universiti tetapi dalam dan luar negara.***

***Adalah menjadi nadi pendidikan universiti untuk membuka minda pelajar kepada pelbagai pilihan dan tidak tertutup kepada satu pendirian semata-mata.***

***Bagaimanapun, Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dr. Nayan Ariffin tidak mahu kampus hijau ini dijadikan gelanggang politik. Mengapa beliau berkata demikian. Ikutilah ucapan penuhnya kepada pelajar baru di Dewan Besar UPM, Jun lalu.***

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Datang ke Kampus Universiti Pertanian Malaysia" untuk memulakan satu penghidupan baru. Ucapan tahniah juga saya ucapkan di atas kejayaan saudara saudari dipilih untuk melanjutkan pendidikan di Universiti Pertanian Malaysia. Saya berasa gembira dapat bersama-sama saudara saudari sekalian pada pagi ini untuk menyatakan ekspektasi dan harapan universiti dan jaminan bahawa universiti tidak akan mengabaikan tugas dan tanggungjawabnya ke arah melahirkan para lulusan yang berwibawa. Adalah perlu bagi saudara saudari untuk berada pada landasan yang betul agar dapat memulakan pendidikan universiti dengan berkesan. Amatlah penting bagi saudara saudari sekalian agar segera menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus serta sistem pendidikan di peringkat universiti kerana kehidupana kampus dan pendidikan universiti amatlah berbeza jika dibandingkan dengan kehidupan dan pendidikan peringkat sekolah menengah.

Di kampus, ibu bapa dan penjaga tidak lagi bersama-sama saudara-saudari untuk menegur dan membimbing malah tugas itu diambil alih oleh pegawai-pegawai universiti. Juga tidak ada lagi sesiapa yang hendak memaksa dan mendorong saudara saudari belajar melainkan dorongan untuk belajar perlu datangnya dari hati sanubari masing-masing. Kehidupan kampus tidak mengongkong pergerakan saudara saudari sekalian manakala sistem pengawas tidak wujud untuk mengawal tindak-tanduk saudara saudari sekalian.

Pembelajaran di universiti pula adalah pembelajaran interaktif yang melibatkan komunikasi dua hala. Kuliah yang diberikan bukanlah lagi berbentuk "dictation" di mana pensyarah membaca nota-nota dan pelajar-pelajar menyalinnya perkataan demi perkataan. Oleh itu pelajar hendaklah sentiasa mempunyai minda yang aktif semasa kuliah untuk memilih yang mana penting dan yang mana tidak serta membuat kesimpulan-kesimpulan jika perlu, melibatkan diri dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan serta bertindak balas dengan pensyarah.

Pendidikan universiti banyak mempunyai kaitan dengan memikirkan kritikal dan kreatif di mana pelajar dilatih untuk berkeupayaan melihat sesuatu itu dari berbagai pandangan dan kaca mata, dan membuat keputusan berdasarkan kepada alternatif-alternatif yang ada di hadapan.

Adalah menjadi nadi pendidikan universiti untuk membuka minda pelajar kepada alternatif-alternatif dan tidak tertutup kepada satu pendirian semata-mata.

Pendidikan universiti juga mementingkan disiplin keintelektualan dalam usaha mencari ilmu. Pendidikan tinggi juga mengutarakan teori-teori dan konsep-konsep yang memerlukan kewibawaan dan kebijaksanaan pelajar untuk memindahkan konsep dan teori itu ke dalam alam nyata. Kemampuan mempraktikkan teori-teori ini adalah sifat yang hendak ditanam oleh pendidikan tinggi.

Akhir sekali pendidikan tinggi memerlukan keazaman yang kukuh dan amanah di kalangan pelajar dalam usaha mencari ilmu. Pelajar tidak seharusnya berpuas hati dengan usaha minimum atau berpuas hati dengan keputusan yang minimum.

Pihak universiti memandang berat terhadap kualiti pendidikan yang akan diterima oleh saudara saudari sekalian memandangkan saudara saudari adalah bakal warganegara yang akan menerajui kepimpinan masyarakat, politik, pendidikan, ekonomi dan agama dalam abad yang kedua puluh satu. Saudara saudarilah yang akan memainkan peranan penting dalam memimpin negara menerokai adad ke 21 itu, yang pada anggapan saya adalah lebih bergelora dan mencabar dari abad yang kita sedang lalui ini. Pergolakan politik, sosial dan ekonomi dalam negeri dan antarabangsa terutama sekali di Eropah Timur memerlukan golongan warganegara yang terpelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan itu. Persediaan ke arah ini bermula hari ini.

Kami di Universiti Pertanian Malaysia dipertanggungjawabkan untuk memberikan persediaan itu kepada saudara saudari sekalian. Adalah amat menyedihkan kami sekiranya saudara saudari yang lulus dari universiti ini nanti akan menjadi beban kepada masyarakat dan negara masih mengharapkan subsidi kerajaan untuk hidup, dan masih tidak bersedia untuk meneroka bidang-bidang baru untuk menyarai hidup, serta tidak berkemampuan dan berkeupayaan untuk berfikir secara rasional, kritikal dan kreatif.

Dalam hal ini tugas universiti adalah untuk membentuk dan memberi perhatian kepada pencapaian kecemerlangan pelajar dari segi pemikiran, sikap, akhlak, tanggungjawab terhadap masyarakat dan kualiti kepimpinan.

Pendidikan universiti adalah untuk mengwujudkan pelajar yang mempunyai kehebatan berfikir kerana masyarakat dalam abad ke-21 memerlukan warganegara yang berfikir untuk mengatasi berbagai-bagai cabaran dan masalah.

Sehubungan dengan ini lulusan-lulusan universiti hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai sifat-sifat kecemerlangan dari segi kemampuan berfikir, profesionalisme, peribadi, sikap dan semangat untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara, serta bersedia dan berkeupayaan untuk memimpin.

Universiti memberikan perhatian yang serius terhadap pendidikan tinggi bagi menjamin ketinggian kualiti para lulusan universiti, kerana kemajuan masyarakat dan negara berpunca dari kualiti lulusan-lulusan universiti.

Pendidikan universiti adalah synonymous dengan kecemerlangan kerana asas-asas penubuhan universiti yang dapat dikesan sejak beratus-ratus tahun dahulu berteraskan kecemerlangan dalam pengajian, penyebaran serta pengkayaan ilmu selari dengan konsep universiti sebagai "pusat ilmu" dan "pusat kecemerlangan". Walau bagaimanapun bentuk universiti hari ini berbeza dengan bentuk pusat-pusat ilmu di zaman silam, namun kecemerlangan dalam mencari, memperkaya dan menyebarkan ilmu pengetahuan tetap tidak berubah, malah terus menjadi lilin gemerlapan yang memandu sebarang aktiviti universiti.

Saya menimbulkan perkara ini kerana masyarakat akan menilai kejayaan dan kecemerlangan universiti dari segi kesediaan dan kemampuan lulusan-lulusannya untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup, kebolehan dan keupayaan mereka untuk menerokai bidang-bidang baru.

Masyarakat akan juga menilai lulusan-lulusan universiti bukan sahaja dari segi profesionalismenya, tetapi juga dari segi sikap, komitmen, akhlak, budi pekerti dan semangat untuk bekerja keras.

Pada akhirnya sebarang kesimpulan yang dibuat oleh masyarakat terhadap kualiti lulusan universiti sudah terus akan dikaitkan dengan pendidikan universiti yang diterimanya dan pengalaman yang dilaluinya semasa di kampus.

Penilaian masyarakat itu mencabar univerisiti untuk menumpukan perhatian dengan amat serius kepada saudara saudari dan pelajar-pelajar lain yang kini berada di kampus kerana kualiti pelajar dan lulusan-lulusan universiti merupakan alat pengukur yang penting dalam menentukan kecemerlangan univesiti ini.

Pada peringkat saudara saudari sekalian, kecemerlangan bermakna penggunaan kebolehan dan kemahiran yang saudara dan saudari punyai pada satu peringkat yang paling tinggi dalam semua usaha bagi mencapai kejayaan yang maksimum dan terbaik. Saudara saudari kini mempunyai berbagai bakat dan potensi yang terpendam yang mungkin tidak timbul oleh sebab suasana kehidupan atau ketiadaan kesempatan dan peluang untuk menimbulkan bakat dan potensi itu. Dalam hal itu pihak universiti telah menggubal dasar yang menyediakan suasana dan peluang bagi membolehkan pelajar menrealisasikan potensi dan kemampuannya yang sebenar. Pihak universiti mempunyai penuh keyakinan bahawa saudara saudari sekalian akan menggunakan suasana dan kesempatan ini untuk mengasah bakat dan potensi hingga ke puncak kecemerlangan. Dalam hal ini, tumpuan adalah kepada usahan mencungkil dan mengasah bakat pelajar-pelajar universiti dan tugas universiti adalah untuk membimbing saudara saudari menggunakan bakat dan sifat semulajadi hingga ke tahap yang maksimum bagi mencapai kejayaan yang cemerlang.

Pendidikan universiti menyediakan suasana dan kemudahan untuk pelajar mencapai ekspetasi dan harapan masing-masing. Program-program akademik adalah untuk mengwujudkan anggota-anggota profesional yang boleh membawa perubahan kepada masyarakat dan negara; manakala aktiviti-aktiviti persatuan dan kelab-kelab sukan bukan semata-mata untuk menonjolkan serta mengasah bakat dan kualiti kepimpinan di kalangan para pelajar tetapi juga untuk membina disiplin dan tanggungjawab. Aktiviti budaya dan kesenian pula diadakan untuk membolehkan pelajar memahami dan menghayati kesenian masyarakat berbilang kaum di Malaysia agar fahaman unsur-unsur kesenian akan mencipta kematangan mental, sikap toleransi, dan saling hormat menghormati di kalangan pelajar. Aktiviti-aktiviti kerohanian juga diberikan perhatian berat.

Pihak universiti sengaja mempelbagaikan suasana dan keadaan dengan menggalakkan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum bagi membolehkan pelajar mengalami beraneka pengalaman yang boleh digunakan selepas meninggalkan kampus ini. Pelajar universiti diberi kebebasan untuk memilih cara hidup di kampus ini dan memilih aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang hendak diceburi. Pemilihan ini berada dalam tangan saudara saudari sekalian.

Saudara saudari,

Bagi universiti, kebebasan dalam kehidupan pelajar universiti membawa erti kebebasan untuk mencari ilmu, menggunakan sumber-sumber universiti seperti perpustakaan dan ladang sepenuhnya untuk mencari dan memperkayakan ilmu, serta kebebasan untuk membincang dengan pakar-pakar dalam dan luar universiti.

Tiap-tiap pelajar bebas untuk berbincang sesama sendiri dan dengan pensyarah dalam bilik-bilik kuliah, bebas menyoal pesyarah jika tidak faham, bebas untuk membahas bukan sahaja isu-isu yang mempunyai kaitan dengan universiti, tetapi juga isu-isu negara dan luar negeri, serta bebas untuk menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti persatuan-persatuan pelajar dan kelab-kelab sukan.

Bagaimanapun pihak universiti tidak mahu kampus universiti dijadikan sebagai catur dalam permainan politik. Pihak universiti juga tidak mahu pelajarnya digunakan sebagai alat oleh mana-mana parti politik atau mana-mana kumpulan yang mempunyai kepentingan tertentu dalam memperjuangkan kepentingan-kepentingan politik atau fahaman mereka hingga dapat menggagalkan hasrat pelajar untuk berjaya sebagai seorang lulusan universiti. Peraturan-peraturan yang diwujudkan di universiti bukanlah untuk menyekat kebebasan pelajarnya tetapi untuk menghalang kebebasan itu dipersalahgunakan oleh golongan-golongan pelajar tertentu yang mempunyai tanggapan bahawa kebebasan membenarkan mereka bertindak sesuka hati.

Saudara saudari,

Apabila menyentuh tentang universiti, kita sering kaitkannya dengan usaha mencari, memperkaya, merakam dan menyebarkan ilmu pengetahuan. Kita tidak dapat menafikan tentang pentingnya budaya ilmu bukan sahaja dalam pendidikan tinggi tetapi juga dalam ke-

ke muka 6



*Berikrar setia kepada universiti – pelajar-pelajar baru berikrar di depan Pengerusi Majlis.*

dari muka 2

aku dapat merasakan pancainderaku berkatakata menaikkan semangat siswa-siswi. Tanda anggukan dari mereka adalah sebagai tanda mereka memahaminya dan mereka juga berjaya mengerti bagaimana menggunakan pancaindera. Mereka sesama mereka pasti juga berhubung dalam bentuk yang sama. Demikian bentuk hubungan kami pada ketika itu.

Aku kembali ke belakang dan berada di tengah-tengah antara Wan dan Narek. Kami terus berjalan. Suasana masih tegang.

Tiba-tiba Narek bersuara "En.... tak bacakah apa-apa?"

Aku mengerti soalan itu, "Biarlah yang lain membaca. Saya berfikir untuk mencari jalan mengatasi masalah kita ini" jawabku.

"OK", katanya perlahan.

Hening sekejab. Tiba-tiba secara perlahan aku mendengar Narek membaca sesuatu yang sangat asing padaku. Kemudiannya aku mengerti dia sedang berdoa secara Budha. Lantas aku bertanya.

"Untuk siapa"?

"Untuk kawan-kawan kita yang malang" jawabnya.

Aku terpengun. Aku mengurut dada. Penglihatanku menjadi kabur sebentar dan aku mulai terasa yang kelopak mataku digenangi air. Sedang dalam suasana demikian tiba-tiba datang Nuteh memberitahu yang dia bercadang membawa siswi malang itu ke Hospital Port Dickson supaya dia boleh berehat. Aku benarkan dan aku memberitahunya jika kereta ke Kampung Bemban itu kembali. akan kusuruh ke Hospital Port Dickson. Nuteh menganggguk dan pergi.

Fikiran aku melayang balik pada Nareek Somchit, pelajar Veterinar dari Alor Setar. Dalam diam-diam aku mengatakan pada diriku "demikian pengertian sahabat".

Empat jam kami berjalan tanpa henti-henti. Kaki-kaki sakit sudah tidak terasa lagi. Tempat yang malang kami telah tinggalkan jauh tetapi perasaan masih ada. Kami mengambil keputusan untuk berehat. Itulah kali pertama kami berehat sejak berjalan dari Kampung Bemban.

Aku terus terbaring di atas tanah merah di bahu jalan yang kering keras dan kontang. Siswa-siswi aku lihat sebahagian daripadanya sama seperti aku. Yang lain duduk relek-relek. Seorang pelajar Fiza namanya berasal dari Kedah menghulurkan harberseknya kepadaku untuk dijadikan bantal dan kemudian berlalu dari situ. Aku hanya sempat memberi terima kasih.

Aku diberitahu oleh Low yang mendapat pesanan daripada Rashid bahawa semua siswa-siswi dalam keadaan OK. kecuali yang di Hospital PD masih belum dengar khabar berita. Aku tersenyum sedikit tanda gembira. Kemudian aku bertanya Low:

"You OK"

"Ya OK!" Jawabnya.

"Dalam kita sibuk-sibuk tadi, saya lupa tentang kamu" Aku menambah.

"Encik tertumpu pada kumpulan" jawabnya sambil memperelokkan silanya.

Tiba-tiba aku dengar Sukli yang aku tak sedari kehadirannya menyampuk:

"Tadi masa kita kacau-kacau, lu diam saja."

"Mana boleh diam... tengok ini" Low menerangkan sambil menyelok sakunya. Dikeluarkan sehelai kertas merah bertulisan Cina dan menyambung:

"... Ini saya punya Latok kasi... Puji-puji sama dewa-dewa. Saya baca ini tau!"

"Berapa kali baca" tanya lagi Sukli.

"Saya tak tau berapa puluh kali saya baca".

"Dalam gelap mana nampak?" Lagi Sukli mencari kepastian.

"Ai ya... lampu suluh la... ini kecik punya. Jawab Low kemudian menyambung lagi.....

"Saya baca untuk kita semua".

Aku memejamkan mata, bukan untuk tidur sekadar untuk menenangkan fikiran. Aku bayangkan kembali detik-detik seram yang baru kami lalui. Terbayang di mataku perilaku siswa-siswi. Mereka berjalan bagaikan satu kumpulan yang padu, mendengar setiap arahan meskipun semua di dalam ketakutan tetapi aku merasa menerusi pancainderaku, semuanya hebat dan cekal hatinya. Aku harus beri pujian pada siswi-siswiku yang gagah luar dan dalam. Fiza, Ija, Liza, Sana, Aida, Bad, Ayang, Yati, Masni, Jen dan ramai lagi. Sesungguhnya siswi-siswi ini yang membuat aku cekal menghadapi suasana berkenaan. Terbayang di mataku wajah Narek dan seperti terasa di telinga, masih terdengar-dengar jampi serapahnya yang tak pernah kudengar selama ini. Teringat juga Low dan jampi-jampi pada dewadewanya. Semuanya untuk kesejahteraan bersama. Aku tersenyum sendiri. Agaknya demikian pengertian sahabat, ianya menjangkau keluar jauh dari garis warna kulit, keyakinan, bangsa, jantina, rupa atau gaya dan macam-macam lagi sempadan bikinan manusia. Di sinilah bermulanya pengertian terhadap "Hati dan Budi". Itulah mahasiswa dan itulah ko-kurikulum dan .... itulah MENARA GADING. Akan kusampaikan pada mereka nanti....! Tiba-tiba aku disapa oleh Wan, Low dan Sukli sudah tiada mungkin mereka fikir aku sudah tertidur.

"En... agaknya bagaimana yang di PD"

"Entahlah... !" Aku menjawab.

"Kalaulah berlaku yang bukan-bukan, bagaimana". Tanyanya lagi.

"Jangan fikirkan yang itu" aku menyergahnya.

"Kita cuma bersedia" ujarnya kembali.

"Saya yang bertanggungjawab, yang harus menjawab kepada semua orang" aku memberitahunya.

"Kami juga sama".. katanya lagi.

"Terima kasih" Jawab aku bangga.

Wan menyambung lagi... "Tapi selain dari kita siapakah yang mengerti tentang persoalan kita ini"

"Tak ada" jawabku pendek.

"Di kampus?"

"Mereka tidak bersama kita" jawabku lagi.

"Jadi..... kalau begitu... bagaimana?"

Aku tidak menjawab segera. Aku kembali berbaring di atas bahu jalan yang kering kontang. Mataku merenung jauh menembusi langit.... kemudian dengan perlahan aku menjawab.

"Allah bersama kita jawabku menenangkannya.

"Itu pasti, tapi saya sekadar mahu mencari jawapan untuk membantu En..."

Aku faham maksudnya.

"Tidak ada" aku ulangi jawabanku.

Wan kelihatan menung. Sunyi dan hening seketika di antara kami. Aku lihat tangan kanannya di angkat ke mukanya. Dua antara jari-jarinya didekatkan kepada matanya. Kemudian dia bertanya dengan perlahan...

"TNC?"

Aku mengangkat kepala dan badanku, aku pegang bahunya, aku renung mata yang kelihatan sayu bercampur kesungguhan. Aku menjawab dengan perlahan sekli.

"..... Ya, TNC!"

Wan bangun meninggalkan aku. Semasa dia bangun tangan kanannya sempat menyentuh tangan kiriku. Aku terasa di antara jari-jarinya ada jari yang basah berair.

"Alangkah INDAHnya.." Bisik hati.

Wan, Narek, Low, Azizi, Shuk, Tan, Penghulu, Anwar, Razak, Sukli, Aji, Nasran dan ramai lagi. Merekalah yang memberi warna kepada pengalaman aku kali ini.

Kami berjalan lagi.

Paginya, ketika mata buat pertama kali bertemu dengan laut PD, jam sudah 8.30 pagi. Dari jauh kelihatan seorang gadis berbaju panas nipis berwarna biru memberikan sekuntum senyuman. Raja Nuteh berdiri di sebelahnya.

Kami dalam satu kumpulan kembali, dan masih ada 12 kilometer lagi yang mesti dijelajah dan ditakluki.

# EKSPEDISI BERJALAN KAKI SERDANG – PORT DICKSON

**NOR AZUWA MOHD. PAHRI**



Setelah mendengar taklimat terakhir dan ucapan "Selamat Berjaya" dari pihak HEP, 47 pelajar UPM yang mengikuti ekspedisi berjalan kaki Serdang-Port Dickson mula melangkah untuk satu perjalanan yang menjanjikan seribu kenangan dan pengalaman.

Jika kebiasaannya, mereka bermotosikal untuk ke mana-mana, tetapi untuk selama sepuluh hari itu, mereka terpaksa mengawal dan menguasai diri untuk satu ekspedisi yang sangat mencabar.

Pelajar-pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk membolehkan mereka saling bekerjasama dan berganding bahu untuk menamatkan ekspedisi itu. Setiap kumpulan dikehendaki menjawab soalan-soalan yang diberikan. Mata dibuka seluas-luasnya untuk meneliti dan memperhatikan langkah-langkah 'sumbang' dan alam sekeliling.

Dalam keghairahan menjawab soalan-soalan tanpa disedari mereka telah jauh meninggalkan kampus UPM dan sudah berada di bumi Kajang. Di sinilah keletihan dan kesakitan diluahkan. Kedai-kedai minuman menjadi sasaran mereka untuk menghilangkan kehausan yang tidak terhingga.

Walau bagaimanapun, keinginan untuk meneruskan perjalanan tetap ada. Tidak timbul langsung perasaan 'kesal' walaupun perjalanan itu cukup lasak, apatah lagi terpaksa merempuh panas dan hujan. Mereka terus berjalan dan berjalan. Yang lambat akan jauh ketinggalan tetapi akhirnya mereka bersatu semula.

Orang ramai melambai-lambaikan tangan dan dibalas dengan senyuman bangga. Sokongan moral seperti itu menaikkan semangat ahli-ahli ekspedisi dan mereka mengibarkan bendera UPM untuk membalas kembali terima kasih mereka sebagai tanda penghargaan.

Selesai solat maghrib di masjid Semenyih, mereka meneruskan perjalanan. Kaki yang mulanya hanya melecet telah menjadi luka. Yang parah terpaksa dibawa menaiki 'coaster' (van UPM). Tidak kurang juga pelajar-pelajar yang cuba meneruskan perjalanan mereka tanpa mengira kesakitan yang dialami. Kegigihan mereka sungguh menggembirakan beberapa kakitangan HEP yang turut sama mengikuti ekspedisi itu.

Tiba di Sekolah Rendah Agama, Beranang masing-masing berkejar untuk menunaikan solat. Mereka makan malam di sebuah warung di kampung itu. Di situ juga diadakan pertandingan 'dam' di antara pelajar-pelajar dengan penduduk kampung.

Suara azan yang menandakan masuk waktu subuh yang berkumandang di udara, mengejutkan mata-mata yang sudah mulai sukar dibuka itu. Bagaimanapun, mereka tetap bangun dan bersiap sedia untuk meneruskan perjalanan.

Setelah berjalan sejauh enam kilometer barulah mereka berhenti untuk minum. Pada sebelah tengah hari hari kedua, mereka diberikan bekalan makanan dan menjamunya di tepi anak sungai yang berdekatan dengan sebuah air terjun di Semenyih.

Angin yang kencang dan hujan lebat tidak lagi menakutkan mereka, sebaliknya mereka masih mampu menyanyi dan ini menarik perhatian penduduk bandar Seremban, Negeri Sembilan. Gelanggang Budaya di Paroi, Negeri Sembilan, menjadi tempat pelajar-pelajar ekspedisi itu bermalam. Layanan istimewa diberikan kepada mereka. Yang Berhormat Dato' Shahardin b. Hj. Hashim, Yang Dipertua Dewan Negeri, Negeri Sembilan, telah sama-sama makan malam dengan ahli rombongan ekspedisi ini. Beliau turut memberikan kata-kata perangsang. Pada malam itu juga, sekali lagi pelajar-pelajar diuji mata dan keupayaan untuk beramah mesra dengan Yang Berhormat.

Hari ketiga, mereka harus menemui penduduk Kampung Bemban pula. Sambutan yang diberikan sungguh di luar dugaan para pelajar. Ada yang berebut-rebut untuk memiliki anak-anak pelajar-pelajar UPM ini. Begitulah perasaan penduduk kampung itu yang cukup menghargai kedatangan mereka ke kampung itu. Pelajar-pelajar juga tidak kurang menunjukkan keghairahan mereka untuk bergaul mesra dengan ahli-ahli keluarga angkat. Makanan yang lazat dihidangkan kepada mereka. Ibu bapa angkat mereka sungguh-sungguh menjaga keselesaan pelajar.

Majlis ramah mesra di antara pelajar dengan penduduk kampung diadakan di balai raya kampung itu. Dengan berbekalkan ilmu yang sedikit itu, pelajar-pelajar cuba mengubah cara hidup orang-orang kampung di situ. Mereka menanamkan semangat agar terus maju dan sentiasa melakukan pembaharuan.

Sampailah saat perpisahan. Sesuatu yang amat mengguris perasaan kedua-dua belah pihak. Mereka hanya sempat mengenali hati budi masing-masing untuk tempoh selama enam jam sahaja. Makanan dan minuman dibekalkan kepada anak-anak angkat. Pelajar-pelajar itu berjanji akan kembali lagi untuk mengeratkan tali silaturahim.

Setelah itu pelajar-pelajar menyambung semula perjalanan mereka di sebelah malam untuk pertama kalinya, dengan iringan doa dan air mata dari keluarga angkat masing-masing.

ke muka 6

# TIGA GOLONGAN PELAJAR DI KAMPUS

Timbalan Naib Canselor (HEP) UPM, Prof. Dr. Sulaiman Mohd. Yassin mengelaskan tiga golongan pelajar terutama di bidang akademik yang dikesan di universiti ini.



*Prof. Sulaiman.*

Golongan pertama ialah kumpulan cerdik, kedua kumpulan yang perlu dibantu dan ketiga ialah pelajar yang tidak mempedulikan pembelajaran mereka.

Beliau berkata demikian di majlis silaturrahim keluarga Program Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama (PBMP) anjuran PBMP semester tiga di Restoran UPM. Turut hadir ialah Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Pengajian Pendidikan, Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood.

Kumpulan pelajar cerdik tidak mendatangkan masalah kerana mereka bolehlah dianggap cemerlang, malah tanpa bimbingan pun mereka berupaya mendapat keputusan yang baik.

Manakala golongan kedua dan ketiga perlu dibantu dengan sepenuhnya oleh pensyarah dan pihak berkenaan untuk memberi bimbingan dan asuhan dari masa ke semasa.

"Kita dapat mengesan setiap pergerakan yang dilakukan oleh pelajar terutama golongan ketiga seperti tidak hadir kuliah atau duduk di kolej sahaja," katanya.

Harapannya agar pelajar berusaha bersungguh-sungguh sama ada di bidang akademik atau kokurikulum untuk faedah diri sendiri.

"Saya juga menganggap bahawa pelajar yang gagal atau sukar menyiapkan kertas kerja adalah pelajar yang lemah, kurang keyakinan diri dan tidak cemerlang dalam pelajaran," tambahnya.

Prof. Madya Dr. Abdul Hamid pula berharap pelajar PBMP supaya mengikuti jejak pelajar lama yang berjaya menerima anugerah pingat emas.

PBMP yang kebanyakannya golongan guru dan dewasa sudah pasti berupaya mengadakan pelbagai kegiatan yang besar manfaatnya.

Dengan pengalaman dan kemahiran yang ada diharapkan mereka juga memberi bimbingan kepada pelajar lain dan kalau perlu mengadakan pelbagai projek untuk mengeratkan lagi silaturahim sesama sendiri.

# KAD METRIK WAJIB DIPAKAI

**Oleh Nik Shafiruddin Nik Shahar Shah dan Suhaimi Ahmad**

Pemakaian kad metrik yang diwajibkan pada semester ini adalah bertujuan untuk mengelak daripada berulangnya kes-kes seperti di masa-masa lalu di mana ada individu-individu tertentu yang menyamar sebagai pelajar atau kakitangan dan menggunakan kemudahan yang ada.

Demikian menurut Pengarah Bahagian Keselamatan UPM, Mejar Sabtu Hussin dalam wawancara dengan Akhbar Mahasiswa.

Menurut beliau, terdapat kes orang yang tidak bertanggungjawab menyamar sebagai pelajar dan menggunakan kemudahan terutama di Pusat Komputer dan Perpustakaan.

Terdapat juga bekas-bekas pelajar yang tamat pengajiannya datang ke kampus dan menggunakan kemudahan universiti seperti pelajar-pelajar lain.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, 'sticker' untuk setiap semester diperkenalkan di mana ia ditampal pada kad metrik yang perlu dipakai oleh setiap pelajar.

Ini perlu dilakukan kerana pihak universiti tidak memungut semula kad metrik daripada pelajar yang telah tamat pengajiannya. Menurut beliau lagi, kakitangan akademik dan bukan akademik juga sedang dalam proses untuk diwajibkan pemakaian kad metrik.

Berkenaan dengan tindakan yang akan diambil terhadap pelajar yang ditahan tidak memakai kas mertik, beliau berkata buat masa ini diplomasi digunakan untuk memastikan pelajar memakai kad metrik, tetapi jika ini tidak berhasil maka tindakan yang lebih keras boleh dikenakan.

Ini adalah kerana pemakaian kad metrik adalah termaktub di dalam arahan tetap dan semua pelajar wajib memakainya.

Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan semasa bersukan kerana dikhuatiri kad metrik akan tercicir dan hilang.

Sebanyak 615 kereta kakitangan akademik, kereta kakitangan bukan akademik (968), kereta pelajar (491), motosikal kakitangan akademik (31), motosikal kakitangan bukan akademik (980), motosikal lain-lain kakitangan (335) dan motosikal pelajar (2429) yang didaftarkan di Bahagian Keselamatan semester Julai ini.

Pengarah Bahagian Keselamatan, Mejar Sabtu Husin menjangkakan bilangan motosikal pelajar yang akan didaftarkan akan meningkat kepada 5000 buah menjelang cuti pertengahan semester ini.

Bagi mengatasi masalah ini, beliau telah mencadangkan agar diadakan perkhidmatan bas kampus tetapi ini hanya dilaksanakan pada sesi 1989/90 sahaja.

Berhubung dengan kesalahan meletak kenderaan oleh pelajar, beliau berkata terdapat aduan pegawai fakulti yang menyatakan kesukaran untuk meletak kenderaan mereka di tempat yang telah dikhaskan kerana tempat itu dipenuhi kenderaan pelajar.

Menurutnya lagi, kakitangan yang melakukan kesalahan meletak kenderaan juga tidak terkecuali dari disaman dan semua wang dari kutipan saman ke atas pelajar dan kakitangan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan pelajar.

Denda atau saman yang dikenakan terpaksa dinaikkan pada setengah-setengah kesalahan kerana terlampau banyak kesalahan yang sama dilakukan.

Menurut beliau lagi, denda sebanyak $3.00 yang dikenakan pada masa lalu adalah untuk mendidik pelajatapi sebaliknya ia memberi kesan negatif kerana bilangan pelajar yang melakukan kesalahan semakin bertambah.

Berkenaan dengan perangkap had laju ataupun 'speed trap', ia dimulakan pada semester lepas lagi dan pelajar-pelajar yang ditangkap memandu melebihi had laju yang ditetapkan boleh dikenakan denda maksimum $25.00.

Antara sebab-sebab berlakunya kemalangan adalah kerana memandu terlampau laju, cuai, tidak menghiraukan peraturan lalulintas dan juga kerana bilangan kenderaan yang semakin bertambah di kampus.

Katanya lagi, pada tahun lepas sahaja terdapat 58 kemalangan yang dilaporkan dan melibatkan kecederaan dan juga kerosakan kepada kenderaan.

# LAWATAN KE LUAR NEGARI



*Bergambar ramai sebagai kenangan*

KIRA-KIRA 15 pelajar Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama) Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM telah mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negara pada cuti semester Jun lalu.

Menurut salah seorang pelajar PBMP tahun akhir, Saudara Abdul Jalil Yunus, antara tempat yang dilawati ialah Universiti of London, Universiti of Leiden, Belanda dan Paris, di Perancis.

Katanya, banyak pengalaman baru diperolehi, antaranya berbeza dengan keadaan di negara ini terutama dari segi budaya hidup.

Turut mengikuti rombongan pelajar tahun akhir ini ialah Prof. Madya Taha Abdul Kadir, Puan Hajah Halimah Hassan dan Haji Abdul Rahim Marsidi.

# MINGGU KEBAJIKAN

Oleh: Bakhari Ariff



Persatuan Mahasiswa Islam UPM telah mengadakan minggu kebajikan bermula 1 hingga 5 Ogos. Perasmiannya telah dilakukan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Masyarakat Dato' Abu Bakar Ahmad Said.

Teks ucapan dibaca oleh Setiausaha Politiknya, Encik Mohd. Daim Abdul Rahim.

Yang Dipertua PMIUPM, Mohd. Khairudin Talib berkata, objektif diadakan minggu kebajikan ini ialah untuk memberi kefahaman tentang kebajikan dalam Islam dan mendedahkan kepada masyarakat bukan Islam bahawa Islam mengambil berat tentang kebajikan.

Beliau menambah lagi, objektif PMIUPM juga untuk menjadi penggerak masyarakat supaya lebih prihatin dan sanggup berkorban kepada golongan miskin dan menderita.

Antara acara yang diadakan untuk minggu kebajikan ini seperti lawatan ke rumah anak-anak yatim Al Khairiah, gotong-royong, membersih tanah perkuburan, tayangan filem, sukan kebajikan dan ceramah agama.

Seramai 500 orang telah mengambil bahagian dalam program minggu kebajikan ini.

# SOO YAN MENANG HADIAH PROJEK TERBAIK

Oleh ZAIN ARIFF

Pelajar tahun akhir Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kep.), Chua Soo Yan berjaya menerima hadiah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar (Siri 5) bagi 1989/90 yang bernilai sebanyak $1,000.

Chua membentangkan kertas projeknya bertajuk 'Activated Carbon As Membrane Electrode' di bawah penyelia Prof. Dr. Badri Muhammad di Dewan Persidangan PPPL.

Dua pelajar yang turut serta bertanding membentangkan kertas kerja mereka ialah pelajar Bacelor Sains Bioteknologi, Sharifah Tahir yang bertajuk 'Penyaringan dan Pemencilan Bakteria Termofilik Penghasil Xilanase dan Kajian Awal Enzim Tersebut' di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Abdullah Sipat dan Dr. Che Nyonya Razak.

Manakala pelajar Bacelor Sains Perikanan, Loong Boon See Cheng dengan kertas kerjanya 'Kajian Ketoksikan Raksa ke atas Larva dan Pasca Larva Penaeus Monodon' di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Law Ah Theem dan Encik Abdullah Zaini Alias.

Anggota panel terbabit dalam pemilihan itu ialah TNC UPM, Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin; Pengarah Biologi Porim, Prof. Dr. Jalani Sukaimi dan Pengarah Institut Penyelidikan Haiwan, Ipoh, Dr. Anuar Hassan.

Hadiah ini dianugerahkan sebagai hadiah universiti untuk projek sains terbaik tahun akhir program sarjana muda yang bermula pada 1983/84.



*Soo Yan*

# KITA PERLU BERSYUKUR KATA MENTERI BESAR TERENGGANU

Zain Ariff



Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad menggesa mahasiswa supaya menggembleng tenaga dan pengetahuan yang ada membantu masyarakat di tempat masing-masing bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

"Sikap lupa kampung halaman dan tidak mahu berkhidmat di tempat sendiri perlu dikikis kerana sikap negatif ini akan merugikan diri sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis jamuan rasmi Kolej Pendita Za'aba. Turut hadir sama ialah ketiga-tiga Timbalan Naib Canselor dan Pengetua Kolej, Encik Ali Haji Yacob.

"Kita sepatutnya bersyukur setiap kejayaan yang diperolehi di universiti ini dan jangan mudah lupa diri apabila berdepan dengan masyarakat luar yang senantiasa memerlukan khidmat kita," katanya.

Pengorbanan ibu bapa yang begitu besar semata-mata untuk melihat anaknya berjaya menjadi manusia yang berguna dan berjaya di bidang pelajaran perlu disanjung tinggi.

"Kerana penat lelah merekalah, kita berada di menara gading menuntut ilmu untuk membalas jasa mereka pada masa akan datang," tambahnya.

Oleh itu sudah sepatutnya mahasiswa menggunakan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi semasa di universiti membantu masyarakat luar dalam pelbagai bidang yang berkaitan.

Tidak ada sebab mahasiswa menolak permintaan mereka kerana keadaan diri ketika ini adalah jauh lebih baik dari dulu yang dilengkapi dengan kemahiran dan pengalaman yang tinggi.

Sebelum itu, Pengetua Kolej Pendita Za'aba, Encik Ali Yacob berkata, tema 'Kreatif, Produktif dan Berdikari Asas Cemerlang akan mewujudkan inspirasi dan motivasi kepada pelajar untuk bergerak lebih cergas lagi.

Katanya, institut pengajian tinggi perlu melahirkan siswazah yang berkemahiran dan produktif untuk sama-sama meningkatkan lagi pembangunan masyarakat negara ini.

# SAKSI BANGSAWAN JEBAT

Oleh:

SAAID MAJID

Seramai 164 mahasiswa dan mahasiswi program Bac. Pend. PBMP semester tiga UPM menyaksikan pementasan drama bangsawan di Panggung Dewan Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini.

Drama bangsawan berjudul 'Jebat' yang dipentaskan oleh kumpulan Persatuan Bangsawan Bintang Timur Kuala Lumpur adalah salah satu acara menyambut Perayaan 100 Tahun Kuala Lumpur.

Menurut ketua kumpulan kebudayaan PBMP semester tiga, Raja Baharudin Raja Husin, antara tujuan rombongan dari PBMP yang menyaksikan drama tersebut adalah untuk menambahkan pengalaman tentang selok-belok pementasan drama.

Katanya, pengalaman itu penting kepada bakal guru, di mana drama adalah salah satu kegiatan yang selalu dijalankan oleh pihak sekolah dan kesempatan ini tidak harus dilepaskan begitu sahaja.

Apa yang lebih penting ialah drama bangsawan tersebut menepati salah satu ciri dalam Kesusasteraan Melayu, di mana kertas BBM 371 ada membincangkannya, tambah beliau.

# MAJLIS PENERANGAN MASA

Persatuan Pelajar Matrikulasi Universiti Pertanian Malaysia atau ringkasnya MASA telah mengadakan Majlis Penerangan MASA bertempat di Dewan Sri Teratai, Kolej Kediaman Ke-6 pada 1 Ogos yang lepas.

Majlis itu bertujuan untuk memberikan penerangan kepada pelajar-pelajar matrikulasi tentang kelab dan unit yang berada di bawah organisasi MASA.

Majlis tersebut dimulai dengan ucapan presiden MASA iaitu Saudara Azhar Rahmat. Di dalam ucapannya beliau menekankan betapa pentingnya konsep bersatuan di dalam sesuatu organisasi kerana, menurut beliau, tidak mungkin sesebuah organisasi itu dapat digerakkan tanpa ahli-ahli organisasi itu sendiri bersatu hati.

Beliau juga meminta pengerusi-pengerusi kelab dan unit yang berada di bawah pentadbiran MASA agar terlebih dahulu merujuk kepada jawatankuasa induk MASA sebelum menjalankan sesuatu aktiviti.

Beliau juga berharap agar semua pelajar matrikulasi dapat melibatkan diri di dalam kelab atau unit yang ada.

Di majlis itu juga para pengerusi kelab dan unit yang ada di bawah MASA telah menerangkan tentang objektif dan aktiviti kelab dan unit masing-masing.

Kelab dan unit yang berada di bawah organisasi MASA termasuklah kelab Fotografi, kelab Biokimia dan Mikrobiologi, kelab Elektronik dan Komputer dan beberapa kelab lagi.

Majlis yang bermula jam 2.30 petang itu telah dihadiri oleh 250 orang pelajar matrikulasi tahun 1 dan 2.

dari muka 4

### MENAKUTKAN

Dengan hanya berpandukan lampu keselamatan dan lampu picit, mereka meredah jalan raya dengan penuh bersemangat. Setibanya mereka di sebuah kawasan di mana di kiri kanan hanya terdapat ladang-ladang kelapa sawit, hati mula tidak tenteram. Beberapa pelajar perempuan akhirnya 'kalah' dengan bau-bauan serta suara-suara ganjil yang kedengaran.

Pelajar lelaki memberikan bantuan dengan turut dibantu oleh beberapa kakitangan HEP. Peristiwa ini telah menyebabkan sebilangan pelajar perempuan hilang keyakinan untuk meneruskan perjalanan. Tetapi dengan bantuan beberapa kakitangan HEP, mereka dimasukkan ke dalam kereta dan van UPM untuk beberapa jam. Setelah langit mula cerah dan mereka yang lainnya telah sampai ke pekan Lukut, pelajar-pelajar kelihatan bertenaga semula. Masing-masing cuba melupakan kenangan yang tidak menyenangkan malam sebelumnya.

Hati semakin riang kerana destinasi mereka semakin hampir. Perjalanan semakin pantas kerana masing-masing sudah kelaparan. Akhirnya mereka berjaya menamatkan perjalanan itu dan setibanya mereka di Baitul Hillal, hidangan tengah hari telah sedia menunggu.

Begitulah, dengan berkat kesabaran, kecekalan dan keazaman maka sesuatu yang nampaknya mustahil pun akan menjadi kenyataan. Motivasi dari ekspedisi ini telah menyedarkan pelajar-pelajar mengenai erti kehidupan yang sebenarnya.

dari muka 3

majuan dan perkembangan tamadun. Negara Jepun misalnya telah maju dengan begitu pantas kerana wujudnya satu komitmen yang serius terhadap ilmu. Sebelum dapat diwujudkan satu budaya ilmu di kampus, para pelajar perlulah menerapkan cita-rasa dan kedahagaan terhadap ilmu yang boleh dipuaskan menerusi pembacaan.

Saudara saudari,

Sebagai yang kita lihat hari ini, negara Malaysia sedang meningkatkan peranannya dalam arena antarabangsa, dan persidangan peringkat tinggi yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini merupakan testimoni usaha kerajaan untuk meletakkan Malaysia dalam peta antarabangsa. Kemampuan pemimpin-pemimpin negara untuk menonjolkan kewibawaan dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara yang telah mendapatkan kepercayaan dan keyakinan negara-negara luar. Apabila negara telah didedahkan dengan luas kepada masyarakat-masyarakat asing maka para pemimpin serta anggota-anggota masyarakat luar negeri telah mula mengkaji dengan lebih serius sistem politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan agama negara kita bagi mencari unsur-unsur yang boleh dijadikan mereka sebagai contoh. Pendidikan universiti di negara ini juga tidak terkecuali daripada penelitian masyarakat-masyarakat luar negeri dan antara unsur-unsur yang dikaji mereka adalah kualiti pendidikan dan dalam Dewan Besar ini hendaklah berhasrat untuk berusaha sedaya upaya setanding dengan mahasiswa-mahasiswi di negara-negara maju yang lain seperti di Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat. Saudara saudari hendaklah bersiap sedia mulai hari ini untuk menghadapi cabaran-cabaran ini kerana tahun-tahun 90-an ini akan menyaksikan negara Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif di arena antarabangsa.

Sehubungan dengan ini, kemahiran berkomunikasi dalam bahasa-bahasa antarabangsa teruatama sekali Bahasa Inggeris adalah perlu bagi membolehkan saudara saudari melangkahi sempadan Malaysia. Sejak akhir-akhir ini terdengar rungutan yang menyatakan bahawa ada di kalangan pelajar-pelajar khususnya lulusan universiti tempatan yang ketidakupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris. Memang benar dan kita akui bahawa Bahasa Inggeris itu penting, iaitu sebagai bahasa untuk berkomunikasi di peringkat antarabangsa dan dengan ini ianya perlu dipelajari dan dikuasai oleh semua pelajar dan lulusan universiti. Namun demikian kita tetap mengutamakan Bahasa Malaysia di tempat yang paling atas dan paling utama.

Saudara-saudari,

Setiap pelajar yang berada dalam dewan ini mesti mempunyai harapan dan cita-cita besar; andainya tidak, saudara-saudari tidak mungkin dapat berada di sini pada malam ini. Mempunyai cita-cita besar adalah titik permulaan bagi sesuatu usaha, dan kami di universiti ini akan memberi dorongan dan bimbingan kepada usaha saudara saudari itu supaya tercapai cita-cita saudara saudari. Universiti mengharapkan pelajar-pelajarnya mempunyai daya usaha atau inisiatif, gigih dan rajin dalam menimba ilmu serta bercita-cita besar. Sebab itulah kami di universiti mengharapkan segala kualiti yang positif diketengahkan oleh saudara saudari sekalian. Kita perlu menerima hakikat bahawa manusia semulajadinya adalah produktif dan kita sendiri mesti percaya dan yakin bahawa semua manusia mempunyai kebolehan, kemampuan serta kecekapan untuk mencapai kejayaan dengan syarat manusia itu benar-benar menumpukan masa, hati dan perhatian sepenuhnya ke arah mencapai objekfif yang ditetapkan itu. Tiap-tiap seorang daripada kita mempunyai potensi yang boleh dimaju dan diketengahkan, semuanya bergantung kepada usaha diri sendiri.

Saudara saudari,

Semasa di kampus ini, saudara saudari akan menghadapi berbagai-bagai cabaran dan tekanan tersemuklah usaha mencapai kecemerlangan dalam aktiviti-aktiviti akademik, tekanan-tekanan emosi dalam penghidupan kampus dan kesihatan saudara saudari sekalian yang sentiasa sahaja mesti berada pada peringkat yang tinggi. Saya percaya kampus yang hijau ini akan mengwujudkan ketenangan jiwa di kalangan saudara saudari.




*AKHBAR MAHASISWA mengalu-alukan sumbangan berbentuk berita aktiviti-aktiviti kelab, persatuan dan kolej, rencana, puisi, cerpen dan sebagainya daripada anda. Hantarkan sumbangan anda itu kepada Ketua Editor, Akhbar Mahasiswa, d/a Bahagian Hal-Ehwal Pelajar.*

# APA KATA PELAJAR BARU TENTANG MINGGU ORIENTASI

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF


Mohd. Roslan


Mazlan


Arshad


Ahmad Kamal

Setelah seminggu mengikuti Minggu Orientasi berbagai kenangan pahit dan manis telah dilalui oleh pelajar-pelajar baru. Beberapa pelajar yang ditemui turut memberikan pendapatnya tentang Minggu Orientasi.

Seorang pelajar Matrikulasi Sains yang ditemui, Mat Hussin b. Mat Deris berkata, " Minggu Orientasi ini amat meletihkan tetapi gembira kerana dapat belajar lebih berdisiplin seperti menepati masa."

"Walaupun terpaksa bangun pagi tetapi ini tidak membebankan kerana ini adalah satu pengajaran yang perlu dimanfaatkan untuk masa depan," tambahnya.

Pendapat yang sama turut diberikan oleh Aiza Harun, pelajar Matrikulasi Sains. Menurut beliau, "Walaupun terpaksa bangun pagi tetapi ini tidak menjadi masalah bagi saya kerana sebelum ini saya pernah berbuat demikian," katanya.

"Walaupun tiap-tiap hari terpaksa mengalami keletihan, saya tetap gembira kerana dapat mengenali kampus hijau ini dengan lebih dekat lagi. Jika tiada Minggu Orientasi, mungkin memakan masa yang lama untuk mengenali UPM keseluruhannya," tambah beliau lagi.

Bagi Mohd. Roslan Abdullah yang mengikuti program Diploma Pertanian pula berkata, Minggu Orientasi ini memang patut diadakan kerana ia dapat mengajar pelajar-pelajar baru cara-cara untuk menghadapi kehidupan di kampus hijau ini.

Menurut beliau lagi, walaupun ditengking oleh fasilitator tetapi beliau tetap mengucapkan terima kasih kerana merekalah yang telah banyak mengajar beliau semasa Minggu Orientasi.

Azman Mohamad dari program Bac. Sc. Hortikultur pula berpendapat bahawa Minggu Orientasi amat baik kerana dapat memberi pengetahuan yang baru tentang kehidupan di Kampus kepada pelajar baru. Menurutnya lagi, setelah selesai Minggu Orientasi dapat membezakan cara kehidupan di bangku sekolah dan pusat pengajian tinggi. Tambahan lagi melalui minggu ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar baru mengenali teman-teman dari negeri lain.

Pelajar Matrikulasi Semester 3, Rahimah Daud berpendapat bahawa minggu seumpama in patut diadakan terutama untuk pelajar-pelajar yang tidak pernah merasai kehidupan di asrama. Katanya lagi, orientasi ini mengajar beliau cara hidup berjauhan dari keluarga.

Nasri Sulaiman, pelajar lepasan Matrikulasi yang pernah mengikuti orientasi sebelum ini berpendapat bahawa fasilitator yang bertugas di sesebuah kolej haruslah diambil dari kolej yang lain bukan dari kolej tempat mereka menetap. Sekiranya fasilitator dari kolej yang sama ditugaskan untuk menjaga pelajar yang pernah mengikuti orientasi di tempat yang sama maka besar kemungkinan pelajar itu tidak mengikuti arahan dari fasilitator. Ini akan berlaku kerana mungkin fasilitator itu baru memasuki pusat pengajian tinggi ini berbanding dengan pelajar lepasan matrikulasi dan lepasan diploma. Nasri juga mencadangkan agar program orientasi yang sesuai haruslah diatur untuk pelajar lepasan matrikulasi dan diploma.

Pelajar Bac. Ss. Pendidikan TESL, Mazlan Ahmad berkata bahawa dengan adanya minggu ini dapat mengeratkan lagi tali persaudaraan di antara pelajar matrikulasi dan pelajar dari program lain terutama di Kolej Pendita Zaaba dan Kolej Kediaman Cikgu Rashid. Beliau juga berpendapat bahawa pelajar lama dapat memberi bimbingan kepada pelajar baru semasa mereka berada di sini. Pelajar-pelajar tidak seharusnya malu untuk bertanya kepada senior kerana para senior sedia menolong.

Menurut pelajar Bac. Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling, saudara Arshad Ismail pula berpendapat bahawa orientasi perlu dititikberatkan dari segi kerohanian dan keagamaan. Beliau berharap pihak pengajur mengkaji semula adakah matlamat orientasi itu tercapai atau tidak. Segala masalah yang dikesan perlulah diperbaiki atau diubahsuai semoga semua pihak menikmati faedahnya.


Norazman

Ahmad Kamal Al-Basri dari program Matrikulasi Sains Fizik berpendapat walaupun hari-hari yang dilalui sungguh meletihkan tetapi dia merasa seronok. Ianya perlu diadakan untuk mengajar pelajar-pelajar baru seperti mengetahui alam universiti. Katanya lagi, para fasilitator siswa janganlah terlalu garang terhadap pelajar-pelajar tua seperti bekas guru. Beliau juga mencadangkan agar minggu orientasi dipanjangkan sehingga 3-4 minggu kerana masa seminggu belum mencukupi untuk mengenali kesemua dewan kuliah dan bilik seminar.

## Ulasan Buku

| | |
|---|---|
| *Judul* | : Bagaimana Membaca Buku |
| *Pengarang* | : Mortimer J. Adler & Charles Van Doren |
| *Penterjemah* | : Rustam A. Sani |
| *Penerbit* | : Dewan Bahasa dan Pustaka |
| *Pengulas* | : Bakhari Ariff |




Seorang mahasiswa selalunya dihubungkait dengan pembacaan buku yang banyak. Dalam pembelajaran buku merupakan guru yang tidak hadir. Matlamat pembacaan adalah untuk pemahaman dan lebih daripada itu ialah untuk meningkatkan akal budi. Tiada guna membaca banyak buku jika buku yang dibaca itu tidak dapat difahami. Bagaimana usaha untuk memungkinkan seseorang boleh memanfaatkan pembacaannya?

Buku ini cuba mengupas dan memberi petua supaya pembaca dapat mencapai empat tahap pembacaan-asas, penelitian, analitis dan sintopik. Cara-cara membaca pelbagai jenis bahan bacaan iaitu buku-buku yang bercorak amali dan analitis teoritis, sastera imiginatif, sejarah, sains dan matematik, sain sosial dan falsafah.

Profesor Adler membahagikan bukunya pada empat bahagian. Bahagian pertama diterangkan kepentingan membaca iaitu membaca dengan aktif. Pembacaan yang aktif lagi kritis ialah upaya yang memerlukan penggunaan mental yang semaksimum yang mungkin.

Empat pertanyaan asas mesti dikemukakan kepada setiap jenis bahan bacaan. Antaranya, apakah yang diperkatakan oleh buku itu pada keseluruhannya? Apakah yang dinyatakan oleh si pengarang dan bagaimana ia menyatakannya? Apakah buku itu benar pada keseluruhan atau sebahagiannya dan apakah buku itu penting? Diterangkan juga cara membaca dengan cepat mengikut kesesuaian buku.

Dalam bahagian kedua pula membicarakan tentang pembacaan analitis. Pembacaan analitis merupakan pokok sesuatu pembacaan yang dilakukan. Tujuan pembacaan peringkat ini adalah supaya pembaca dapat mencari isi-isi penting kemudian mengiktisarkan sehingga boleh membentuk kesepaduan.

Ditimbulkan juga peraturan mengkritik sesebuah buku dan pengarangnya. Apa yang diperkatakan oleh buku dinilai dan dikaji dengan meneliti hujah-hujahnya. Kemudian soalan ditanyakan sama ada kita bersetuju atau tidak. Jika tidak setuju kemukakan alasan-alasan yang wajar. Pembaca yang kritis adalah mereka yang mengamalkan pembacaan peringkat ini.

Peringkat pembacaan yang terakhir ialah pembacaan sintopik (bandingan). Peringkat ini amat sesuai diamalkan oleh mahasiswa yang membaca banyak buku. Lima langkah diberi sebagai latihan untuk mencapainya. Dalam tahap pembacaan ini kehendak pembaca dilayan, bukan kehendak pengarang.

Profesor J. Adler berpendapat akal budi manusia boleh hidup dan terus berkembang jika sentiasa digunakan. Sebaliknya pula, akal budi manusia boleh menjadi lemah jika tidak digunakan.

## RUNGUTAN TENTANG ORIENTASI

Tahun ini bagi pelajar-pelajar lepasan matrikulasi yang ingin mengikuti pengajian di peringkat bacelor dikehendaki mengikuti minggu suai-kenal buat kali yang kedua. Perasaan tidak puas hati di kalangan pelajar-pelajar lepasan matrikulasi terhadap minggu tersebut memang tidak dapat disembunyikan.

Ini adalah kerana pengendalian berat sebelah yang dilakukan oleh fasilitator-fasilitator, khasnya di Kolej Kediaman Pendita Za'ba, freshies yang tidak mengikuti aktiviti tidak dikenakan sebarang tindakan. Sebaliknya jika pelajar lepasan matrikulasi yang melakukan kesalahan yang sama akan dimarahi dan dituduh besar kepala serta tidak menunjukkan contoh yang baik kepada pelajar-pelajar baru. Sedangkan mereka berkali-kali diingatkan bahawa mereka adalah pelajar-pelajar baru juga.

Rasa tidak puas hati ini menyebabkan pelajar-pelajar membandingkan minggu orientasi sekarang dengan yang telah mereka lalui dahulu. Kebanyakan pelajar lebih menyenangi pengendalian minggu orientasi yang terdahulu walaupun ia agak teruk dari sekarang. Pelajar-pelajar mampu memberikan kerjasama dan kurang menimbulkan masalah.

Apakah yang menyebabkan minggu orientasi satu kegagalan bagi pelajar lepasan matrikulasi di Kolej Pendita Za'ba? Pertamanya mungkin kerana fasilitator yang dipilih rata-rata dari kolej lain jika dibandingkan dengan Kolej Kediaman Cikgu Rashid dan Kolej Keempat. Ini menyebabkan tiadanya rasa 'sence of belonging' dalam diri fasilitator-fasilitator untuk diserapkan ke dalam diri pelajar-pelajar baru. Kedua mungkin kerana kurangnya fasilitator yang aktif seperti dahulu. Ini mungkin juga disebabkan syarat untuk menjadi fasilitator lebih mementingkan akademik. Seperti yang telah dinyatakan oleh Timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Sulaiman Hj Mohd. Yassin, fasilitator dipilih dari kalangan pelajar yang mendapat 2.7 ke atas untuk memberikan penekanan dari segi akademik ke atas pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun bukanlah semua pelajar yang baik dari segi akademik baik dari segi kepimpinan dan cergas dalam bersukan.

Bagi yang mengangap fasilitator-fasilitator yang dahulu hanya berlakon sepatutnya membuka fikiran mereka dan menilai tentang kemampuan fasilitator tersebut untuk menjalankan tugas yang telah diamanatkan kepada mereka dengan berkesan dan bukan menilai mereka sebagai manusia pelajar di kampus.

## *AZIMAH GEMBIRA MASUK UPM*

Norlela Hashim

Seorang pelajar baru dari Program Matrikulasi Sains Hayat, saudari Azimah Azmi telah menyatakan perasaan gembiranya kerana dapat memasuki Universiti Pertanian Malaysia.

Azimah yang buat masa ini tinggal Kolej Kediaman Pendita Za'ba berpendapat bahawa universiti ini lain daripada yang lain dari segi persekitarannya yang indah dan menyejukkan mata memandang.

Katanya lagi, dia berpuas hati dengan kolej kediamannya sekarang yang mengamalkan semangat kekeluargaan di bawah penjagaan seorang pengetua yang baik hati, Tuan Haji Ali Haji Yaakob.

Tambahnya lagi, walaupun kolej tersebut agak jauh dari kompleks akademik, kedudukannya yang berhampiran dengan ladang dapat menenangkan fikiran dan perasaannya.

Saudari Azimah yang meminati aliran Sains berharap dapat memasuki Program Bacelor Sains Kepujian apabila pengajiannya di Program Matrikulasi selesai nanti dan seterusnya menjadi seorang pendidik di dalam jurusan tersebut.

# KEPIMPINAN: SATU PENELITIAN



oleh
**Profesor Dr. Sulaiman Mohd. Yassin**

**Pengenalan**

Kepimpinan adalah suatu fenomena yang telah biasa dikaji penyelidik, tetapi masih lagi belum sepenuhnya difahami manusia sejagat. Telah wujud juga berbagai teori akan kepimpinan serta pelbagai definisi. Mungkin ini berlaku kerana kepimpinan adalah sesuatu yang menyentuh hampir kesemua manusia dan kehidupan manusia. Ianya juga adalah berkait dengan pengaruh dan proses mempengaruhi orang lain.

Kepimpinan juga dihubungkait dengan pencapaian dan produktiviti manusia dan organisasi. Tiap-tiap individu yang waras juga akan pada sesuatu ketika menjadi pemimpin, sama ada untuk keluarganya, sesuatu kumpulan, jabatan, organisasi ataupun negara. Yang menjadi biasa dilihat masyarakat umum adalah pemimpin politik atau pemimpin terlantik di dalam sistem politik. Tingkah laku dan perlakuan mereka biasa menjadi asas kita mempelajari ciri-ciri pemimpin yang biasa. Kertas kerja ini bukanlah pula mengetengahkan aspek-aspek seperti ciri-ciri pemimpin biasa. Kepimpinan di dalam kertas kerja ini adalah berkenaan kedua-dua stail dan kesudahan dan pencapaian kualiti penghidupan sesuatu sistem di mana pemimpin itu berada.

Di dalam kertas kerja ini, kepimpinan wujud di dalam sesuatu sistem itu jika matlamat-matlamat tercapai, tujuan am dan missi sistem itu dipenuhi dan keperluan-keperluan asas dan kemahuan-kemahuan ahli sistem itu tercapai. Seseorang individu yang menyumbang di dalam apa cara pun terhadap pencapaian matlamat sistem itu melibatkan dirinya di dalam sistem kepimpinan individu yang wujud. Orang-orang Jepun umpamanya, tidak mahu menganggap bahawa sesuatu kejayaan itu adalah hasil seseorang individu, malah untuk setiap tindakan ada ramai yang turut menyumbangkan usaha mereka.

Beginilah skop kepimpinan yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini. Saya akan membincangkan aspek proses dan jenis kepimpinan, kaitannya dengan yang dipimpin dan situasi kepimpinan.

Sungguhpun kertas kerja ini tidak mendalaminya, kepimpinan adalah juga dibincangkan di dalam konteks kemanusiaan dan alam penciptaannya iaitu tanggungjawab pemimpin adalah sebagai menunaikan kewajipannya supaya manusia mendapat keredhaan Allah semata-mata. Segala perlakuan pemimpin hendaklah dihuraikan dari perspektif perhubungan ini semata-mata. Pada praktiknya pula, kepimpinan adalah wujud di dalam sesebuah sistem dan menjurus kepada produktiviti dan pencapaian kualiti penghidupan. Rajah berikut adalah menjelaskan konteks ini seterusnya.




Rajah 1 : **Pertalian Kepimpinan kepada Produktiviti dan Kualiti Penghidupan**

**Proses Kepimpinan**

Di dalam setengah pertama abad ini, penyelidikan di dalam kepimpinan telah memfokus kepada *ciri-ciri* pemimpin. Berbagai ciri telah dikenal pasti dan tidak kurang juga yang bercanggah. Di dalam setengah kedua abad ini pula, penyelidikan telah bertumpu kepada kepimpinan sebagai suatu proses yang interaktif di mana *pemimpin* adalah salah satu daripada unsur proses. Dua unsur yang lain adalah *pengikut* dan juga *situasi* dalam mana pengaruh itu wujud.




Rajah 2 :
**Segitiga Proses Kepimpinan**

Sebagai yang ditunjukkan oleh anak panah, pengaruh adalah dwiarah di antara kesemua unsur proses. Dengan itu kedua-dua pemimpin dan yang dipimpin mempengaruhi dan membentuk pengaruh di antara satu sama lain dan keduanya pula membentuk dan dibentuk oleh situasi dalam mana kedua-dua pengaruh wujud. Oleh kerana ianya melibatkan pengaruh yang biasanya ditokok dengan emosi, dan oleh kerana proses ini kompleks, kepimpinan adalah terjurus kepada berbagai bentuk tafsiran. Cerita dan kisah berkenaan pemimpin dan kepimpinan adalah banyak sekali di dalam penulisan setakat ini.

Pemimpin adalah seseorang yang digelar melalui perlantikan, pengundian, kemunculan atau lain-lain cara, dan diiktiraf sebagai lebih berwibawa. Dengan penamaan atau pengiktirafan, seorang pemimpin berkeupayaan untuk mempengaruhi orang-orang lain di dalam sistem itu dengan berbagai cara. Di dalam masa yang sama, ianya membolehkan seseorang itu untuk dipengaruhi. Pemimpin yang bijak memahami bahawa kepimpinan itu adalah suatu proses "transactional" — mereka memberi dan mereka mendapat. Pendekatan memimpin yang simplistik dan yang bukan berpandukan proses akan menyebabkan pemimpin menghadapi masalah dengan kekurangan produktiviti, penurunan kualiti penghidupan atau kedua-duanya sekali.

Konsep *pengikut* di dalam model ini adalah kurang tepat kerana seperti dinyatakan di atas, pengikut juga boleh mempengaruhi pemimpin. Aspek ini akan dijelaskan lagi di dalam kertas kerja ini.

*Situasi* itu pula merangkumi berbagai faktor seperti latar belakang kumpulan, missi, maksud, matlamat, program, sumber dan struktur sistem, iklim, budaya sistem, kejadian-kejadian di dalam alam sekeliling yang berkait dengan sistem, masa kejadian, insiden yang kritikal, krisis, dan lain-lain lagi. Situasi yang berbeza memerlukan pendekatan memimpin yang berlainan.

Interaksi di antara ketiga-tiga unsur ini menjumlah kepada suatu proses yang amat kompleks. Pemimpin yang bijak adalah mahir mengawasi keadaan ini dan mengelak dari dengan lantas mengarah sesuatu. Di dalam minda mereka, mereka sentiasa bertanyakan: Bagaimanakah saya dipengaruhi oleh ahli-ahli kumpulan dan oleh situasi di mana mereka berada? Apakah perubahan-perubahan yang sedang berlaku di kalangan pengikut dan di dalam situasi semasa? Apakah had caragaya dalam mana aku boleh mempengaruhi ahli-ahli dan situasi? Stail kepimpinan yang manakah opsyen terbaik sekali, dengan keahlian begini di dalam situasi tertentu? Adakah aku berupaya melaksanakan opsyen terbaik ini? Di dalam keadaan perkhidmatan kemanusiaan, ada tiga jenis kepimpinan: (1) profesional-teknikal, (2) pengurusan, dan (3) pembaharuan (Burns, 1978).

**Kepimpinan Profesional-teknikal**

Pemimpin profesional-teknikal bukan sahaja mempunyai keupayaan-keupayaan berkaitan dengan kerja, tetapi juga biasanya merupakan contoh untuk bidang-bidang kemahiran. Di dalam organisasi perkhidmatan, mereka ini bukan hanya memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada klien tetapi juga adalah inovator di dalam pemberian khidmat. Di dalam bidang industri, pemimpin sebegini digelar "wira keluaran" — mereka yang tidak berhenti mencari pembaikan kepada sesuatu keluaran.

Di dalam sesebuah sistem suatu kekurangan yang mungkin wujud adalah di dalam menghargai pemimpin profesional — teknikal dengan jawatan-jawatan pengurusan yang mereka tidak bersedia mengisi atau yang tidak mereka mahukan. Seseorang itu mungkin mahu kemudahan-kemudahan yang bersaingan dengan sesuatu kenaikan pangkat, tetapi bukannya jawatan berkenaan. Jika seseorang itu tidak mempunyai keupayaan pengurusan yang perlu untuk menjalankan tugas-tugas jawatan itu, dia menjadi mangsa kepada "Prinsip Peter" iaitu pemajuan kerjaya kepada tahap kekurangan kemahiran (Peter dan Hull, 1970). Organisasi dan institusi selalu gagal mengasingkan keupayaan profesional–teknikal daripada keupayaan pengurusan dan untuk mengiktiraf kepimpinan profesional–teknikal secara bersendirian.

**Kepimpinan Pengurusan**

Kepimpinan pengurusan adalah terlibat dengan unsur-unsur organisasi, dengan struktur, projek ataupun program dan mengawasi sama ada unsur-unsur ini bergerak sejalan untuk mencapai produktiviti dan matlamat kualiti penghidupan. Pemimpin pengurusan itu adalah bertanggungjawab untuk merancang, menganjur, merancang perjawatan, mengarah, mengawas dan memudahkan (facilitate) kerja.

*Merancang* bermakna mempastikan arah tujuan tahunan sesuatu sistem atau unit. Perancangan operasi melibatkan tujuan utama, matlamat, program dan sumber dan dianggap sebagai tugas pengurusan. Merancang melibatkan penyusunan dan memberi rasional akan tindakan dan pengalaman sendiri atau orang lain. Jika sesuatu sistem itu kurang pengalaman, perancang mungkin teratur tetapi menjadi sesuatu yang kosong. Tindakan yang kurang teratur kadangkala lebih baik daripada ketiadaan aktiviti. Pengurus yang bijak melihat perancangan sebagai lebih daripada satu gerak kerja yang rasional.

*Menganjur* bermakna memberi rangka kepada kerja: Menetapkan peranan, pertalian di antara individu, di antara unit-unit organisasi dan proses-proses komunikasi. Menganjur adalah juga menetapkan peranan pengurusan dan pengawasan di dalam susunatur arahan.

*Perjawatan* maknanya mengambil pekerja dan memberi orientasi, melatih dan memajukan mereka. Pernah orang menyatakan sesuatu program berjaya kerana pegawai semuanya "best". Itulah yang sebenarnya.

*Menyelaras dan mengarah* maknanya menghasilkan kerja melalui usaha orang lain. Oleh kerana tiap-tiap organisasi adalah longgar dibandingkan dengan model-model biasa, pengurus menjadi ahli di dalam caragaya menyelaras di antara matlamat dengan missi, program dengan matlamat, pekerja dan sumber dengan program, pekerja dengan unit organisasi dan organisasi dengan alam sekitar. Mereka mempasti-

ke muka 9

dari muka 8

kan matlamat adalah jelas. Jika perubahan berlaku dan program tidak lagi secucuk dengan matlamat, program-program baru akan digubal. Untuk mempastikan sesuatu rancangan dapat dicapai, pengurus membekalkan insentif untuk tugasan, menurunkan kuasa dan tanggungjawab, mengurus konflik dan menggalak inovasi dan kreativiti. Fungsi-fungsi ini memerlukan kemahiran komunikasi yang tinggi.

*Mengawas* maknanya memastikan bahawa kemajuan menuju matlamat berlaku dan kualiti kesudahan yang dicapai adalah dipastikan. Pengurus melakukan ini dengan membentuk dan melaksanakan standard prestasi, mempastikan mereka dan orang lain menyampaikan maklumat kritikal, memberi kedua-dua maklumbalas mengesah dan membetulkan dan mempastikan orang lain berbuat yang sama, mengambil tindakan memperbaiki seperti melatih, menasihat, memindah dan memberhentikan bila perlu, menilai keputusan, menilai prestasi ahli-ahli sistem dan menentukan ahli-ahli sistem adalah diberikan ganjaran kerana mencapai matlamat.

*Memudahkan* maknanya menyokong kerja orang lain. Pengurus yang berkesan tidak membuang banyak masa dengan mengawas, tetapi bermula dengan andaian bahawa pekerja tahu bagaimana mengawas kerja mereka. Biasanya pekerja mahu membuat kerja yang baik.

**Penyertaan Pekerja**

# PANDU PUTERI BERKURSUS DI CAMERON HIGHLANDS



Seramai 28 ahli Kelab Pandu Puteri UPM telah menjalani Kursus Organisasi anjuran Hal-Ehwal Pelajar UPM pada 16 hingga 20 Jun 1990 di Tanah Rata, Cameron Highlands.

Kursus ini bertujuan menyemai ciri-ciri kepimpinan kepada siswi bagi mewujudkan semangat bekerjasama dan perpaduan di samping menduga aspek ketahanan mental dan fizikal juga memberikan pengalaman dan pengetahuan baru.

Antara sesi aktiviti yang dijalankan ialah: Sesi pengenalan, mencari harta, 'tracking', lawatan dan permainan.

Perbincangan kumpulan dan keberkesanan telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pendaftar, Hal-Ehwal Pelajar UPM, Encik Yahaya b. Salim.

Beliau menekankan agar setiap peserta mengutarakan ciri-ciri yang hebat dan kuat kepada motto dan benda yang mewakili kumpulan mereka.

Peserta-peserta telah mengadakan lawatan ke ladang teh dan kawasan hidroponik. Acara 'tracking' telah diadakan ke kemuncak Gunung Beremban pada hari yang keempat.

Seorang peserta memberitahu, beliau merasakan kursus ini sungguh menyeronokkan dan berharap dapat mengikutinya di masa-masa akan datang.

Tambahan beliau, agar kursus ini membuka mata pelajar-pelajar tersebut dan tidak menjadi manusia yang hipokrit dan suka berpura-pura.

Menurut Naib Pengerusi Kelab Pandu Puteri UPM, Cik Marsita bt. Mukhri, beliau amat berharap agar golongan ini dapat tampil ke depan dan memimpin.

Nor'Azuwa Mohd. Pakir

# PLK DIGESA BERGIAT CERGAS

**Zain Ariff**

Pelajar Luar Kampus (PLK) UPM digesa supaya bergerak cergas dalam kegiatan persatuan dan menyertai setiap pertandingan yang diadakan antara kolej kediaman dari masa ke semasa.

Pengetua, PLK, Encik Marjohan Jamalis berkata, PLK juga diberi peluang menceburkan diri secara aktif bersaing dengan kolej-kolej kediaman dalam kampus.

"Kita janganlah menganggap bahawa apabila tinggal di luar kampus, kita diketepikan daripada menyertai kegiatan dan pertandingan yang dijalankan di kampus," katanya di majlis ramah mesra PLK di Restoran UPM awal semester ini.

Adalah menjadi tanggungjawab bersama agar setiap pertandingan sama ada kebudayaan, akademik dan sukan dapat disertai oleh PLK.

Pertandingan sukan yang diadakan sebelum ini, PLK mampu memberi cabaran yang hebat walaupun penyertaan daripada ahli belum lagi menyeluruh.

Pihak PLK akan berusaha menjaga kebajikan pelajarnya dan sedia memberi bantuan yang diperlukan sekiranya terdapat masalah yang membabitkan pihak UPM.

Encik Marjohan juga mengingatkan PLK supaya memberi alamat rumah yang lengkap dan betul semogaa mudah untuk dihubungi sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini.

Persatuan PLK dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar sedang berusaha mengadakan pejabat sendiri di kampus semoga mudah dihubungi di antara satu sama lain.

"Buat masa ini persatuan PLK tidak ada pejabat tetap tetapi hanya menggunakan rumah saya dan rumah ahli jawatankuasa yang lain sebagai pejabat sementara," tambahnya.

Manakala Pengerusi Persatuan PLK, Encik Azita Amrin berharap PLK memberi sokongan penuh kepada persatuan ini bergerak dalam pelbagai bidang setiap masa.

"Kita mahu membuktikan bahawa PLK mampu bersaing dengan kolej kediaman yang lain yang mempunyai kelengkapan secukupnya," katanya.

Pihaknya sentiasa berusaha mendampingi PLK dan salah satu caranya ialah menerbitkan majalah PLK yang memuatkan berita kegiatan dan maklumat yang membabitkan PLK.

Bermula pada semesta ini, PLK diwajibkan membuat kad ahli bergambar dengan bayaran tiga ringgit di Bahagian Hal-Ehwal UPM.

# MEGAT TERAWIS AKAN DIPENTASKAN

**Oleh: ARSHAD ISMAIL**

Pelajar Bac. Pend. (PBMP) semester 3 yang sedang mengikuti kursus BBM 371 akan mempersembahkan sebuah drama 'Megat Terawis' pada pertengahan September depan.

Kalau dulu 'Puteri Saadong' bergema di Panggung Percubaan tetapi kali ini sudah pasti giliran Megat Terawis pula menggegarkan dengan pertarungan-pertarungan sengit dan hebat.

Drama yang dipersembahkan di bawah kelolaan pensyarah Puan Hajah Halimah Hassan dan Encik Ariffin Said akan diarahkan oleh Saudara Osman Md. Din dan skripnya oleh Raja Baharudin Raja Husin.

Kepintaran dan kehandalan Megat Terawis membawa pulang Tuan Puteri Limau Purut, anakanda Sultan Perak dengan menewaskan pahlawan Aceh dalam satu pertarungan yang hebat.

Bagaimanapun nyawa Megat Terawis masih terancam. Ada gerombolan yang iri hati cuba berhabis-habisan ingin membunuh Megat Terawis.

Adakah Megat kecundang atau sebaliknya? Ikutilah cerita selanjutnya.

# NASIHAT ANWAR IBRAHIM

**Zain Ariff**

Pemimpin-pemimpin mahasiswa di pusat pengajian tinggi diminta supaya peka terhadap perubahan dan pembaharuan yang berlaku di negara ini.

Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim berkata beliau tidak mahu melihat pemimpin mahasiswa masih leka dan lalai tentang pembaharuan yang berlaku secara mendadak dalam pelbagai bidang pada masa kini.

"Saya kesal ada setengah pemimpin mahasiswa masih beradá di tahap lama dengan pemikiran dan idea yang tidak boleh dipraktikkan," katanya di jamuan rasmi Kolej Kediaman Kelima UPM. Turut hadir sama ialah Naib Canselor, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin.

Menurutnya, mahasiswa masa kini seharusnya bersedia menerima setiap pembaharuan dengan sikap yang lebih terbuka dan boleh menentukan corak masa depan mereka.

Sikap yang dinamik, moral dan akhlak yang tinggi sajalah membolehkan mahasiswa bergerak cergas meningkatkan prestasi diri sendiri sekaligus membantu masyarakat dan pembangunan negara.

Mahasiswa masa kini sekiranya masih memiliki pemikiran yang lama dan bersikap negatif terhadap sesuatu perkara, malah tidak mahu mengambil tahu perkembangan di luar kampus amatlah mengecewakan.

Encik Anwar berkata, hidup di universiti, mahasiswa perlu mempelajari dan menimba ilmu dari pelbagai bidang yang berfaedah walaupun ilmu itu tidak berkaitan dengan program yang diikuti di sini.

"Amat malang sekali sekiranya mahasiswa hanya menumpukan satu bidang sahaja sematamata untuk lulus peperiksaan sedangkan sebagai mahasiswa mesti mencakupi pelbagai bidang," katanya.

Pihak universiti perlu menyediakan program dan rancangan yang tersusun mengikut pengajian tertentu bagi melatih mahasiswa mempunyai sikap berdikari, rajin berusaha dan bergiat cergas dalam persatuan.

Kementerian Pendidikan tidak melarang jika pemimpin mahasiswa ingin mengadakan forum, seminar dan kegiatan lain yang membabitkan masyarakat luar asalkan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Beliau juga bersedia menerima kritikan yang membina daripada mahasiswa malah akan mempraktikkannya sekiranya pandangan mereka jelas membawa pembaharuan kepada semua pihak.

Di majlis jamuan rasmi itu juga, Encik Anwar Ibrahim turut menyampaikan cenderamata dan sijil penghargaan kepada mahasiswa yang berjaya dengan cemerlang di bidang kurikulum dan ko-kurikulum.

# ANWAR AKAN RASMI KONGRES



Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dijangka merasmikan Kongres Reformasi Pendidikan (KRP) yang dianjurkan oleh Persatuan Fakulti Pengajian Pendidikan (PFPP) UPM pada 5 Oktober depan di Dewan Besar di sini.

Kongres yang akan dihadiri kira-kira 500 peserta ini dijayakan bersama dengan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia.

Setiausaha PFPP, Sdr. Mohd. Razali Yaakob berkata, kongres itu bertujuan untuk menyediakan garis panduan kepada Kementerian Pendidikan dalam pelaksanaan reformasi pendidikan.

Di samping itu juga dapat mengumpul tokoh-tokoh pendidik supaya bermuafakat dan menyuarakan pendapat dalam melaksanakan reformasi ini yang berteraskan pembangunan jasmani dan rohani.

Akta Pendidikan 1990, isu pendidikan semasa di pusat pengajian tinggi, peranan pendidikan dalam reformasi pendidikan, pemantapan methodologi dan falsafah pendidikan sejagat adalah antara yang dibincangkan.

Antara pembentang kertas kerja yang terbabit ialah Dr. Siddiq Fadhil (ABIM), Prof. Hassan Langgulung (UKM), Dr. Nik Aziz Nik Pa (UM), Dr. Osman Bakar (UM) dan Prof. Madya Aris Haji Osman (UKM).

Sdr. Mohd. Razali berkata, kegiatan lain yang dijalankan oleh PFPP ialah mengendalikan sebuah gerai pameran yang diusahakan bersama setiap program dalam fakulti ini.

Antara bahan pameran ialah koleksi karya pelajar seperti novel, antologi puisi, foto lawan sambil belajar dalam dan luar negara, projek kampung angkat dan tayangan video.

Harapannya agar semua pelajar FPP memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihaknya dalam menjayakan setiap kegiatan di Pesta Konvokesyen tahun ini.

Katanya, PFPP juga mengadakan Hari Fakulti setiap tahun, menganjurkan gotong-royong membersihkan kawasan FPP dan majlis tahlil dan bacaan yasin di masjid UPM.

**Arshad Ismail**

# PERSEMBAHAN NASHID SISWA UPM

Seramai 43 orang siswa dan siswi Universiti Pertanian Malaysia telah dijemput untuk mempersembahkan nasyid sempena sambutan Maal Hijrah 1411H peringkat kebangsaan di Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Kumpulan pelajar ini merupakan Kumpulan Nasyid UPM yang dipimpin oleh Ketua Unit Kebudayaan, HEP, UPM, Tuan Haji Mahmud bin Haji Abdullah adalah sebahagian daripada 1411 peserta Nasyid Maal Hijrah yang mewakili institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah rendah dan menengah sekitar Kuala Lumpur, jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat swasta.

Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah 1411 dan juga penganugerahan Anugerah Maal Hijrah oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah yang turut dihadiri oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun, Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Y.A.B. Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini merupakan acara tahunan yang disambut pada 1 Muharam tiap-tiap tahun Hijrah.

Kumpulan Nasyid UPM juga telah dijemput untuk menghadiri Ihtifal Nasyid Sempena Sambutan Maal Hijrah 1411H pada 7 dan 8 Ogos 1990 di Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

# KOKURIKULUM AKAN DIKREDITKAN

Zain Ariff



Pelbagai kegiatan kokurikulum akan diberi kredit berdasarkan kepada beberapa aspek tertentu bagi menarik lebih ramai pelajar kampus ini bergiat cergas di bidang itu setiap masa.

Timbalan Naib Canselor (HEP), UPM, Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin berkata, kertas kerja untuk melaksanakan program itu sudah disiapkan dan akan dibentangkan kepada ahli senat UPM untuk mendapatkan kelulusannya.

"Saya percaya, ini adalah berita baik kepada mahasiswa kampus hijau ini," katanya ketika diwawancara oleh Ketua Pengarang akhbar ini, di pejabatnya baru-baru ini.

Beliau berharap apabila kokurikulum akan diberi kredit, tidak secara akan langsung menjadi pendorong dan menggalakkan mahasiswa kampus ini menyertai pelbagai kegiatan kokurikulum yang diminati untuk faedah diri sendiri.

"Kokurikulum juga penting selain daripada menumpukan sepenuh masa di bidang akademik juga sebagai riadah untuk kesihatan diri," tambahnya lagi.

Di samping itu kegiatan kokurikulum juga membantu setiap individu menambahkan pengalaman dan pengetahuan apabila menganjurkan sesuatu kegiatan sama ada di dalam atau di luar kampus.

Prof. Dr. Sulaiman berpendapat, dengan adanya sistem kredit ini akan menggerakkan ahli persatuan bergiat bersungguh-sungguh bukan sahaja untuk kejayaan sendiri tetapi mengharumkan nama UPM.

Walaupun beberapa kegiatan kokurikulum terutama bidang sukan berjaya menaikkan imej UPM, namun wujudnya sistem kredit ini akan memperolehi lebih banyak kejayaan lagi.

Katanya, dengan menceburi kedua-dua bidang itu akan memudahkan lagi mahasiswa masa kini bergaul dan berdepan dengan masyarakat luar kampus apabila tamat pengajian kelak.

"Kita mahu melihat setiap mahasiswa yang dilahirkan oleh UPM mampu menghadapi segala cabaran dan dugaan dengan berkesan dan cemerlang," jelasnya lagi.

Prof. Dr. Sulaiman juga menyarankan kumpulan mahasiswa kecil terutama persatuan di peringkat fakulti memainkan peranan utama bagi merapatkan hubungan yang baik sesama mereka.

Setakat ini, jelas menunjukkan persatuan di fakulti tidak bergerak cergas sebagai pergerakan pelajar, malah tidak kedengaran kegiatan yang dijalankan untuk pelajar mereka.

"Saya berasa hampa juga apabila kegiatan pergerakan pelajar yang sepatutnya diusahakan oleh persatuan induknya di peringkat fakulti dijalankan oleh unit kecil dalam badan induk itu," katanya.

Pertemuan di antara pelajar sama ada kegiatan akademik atau kokurikulum perlu diadakan kerana boleh dikatakan mereka bertemu di fakulti dan tidaklah dianggap tidak ada masa langsung untuk berpesatuan.

# BULAN SABIT KE THAILAND

Persatuan Bulan Sabit Merah Universiti Pertanian Malaysia telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bangkok Thailand pada 13 hingga 19 Mei 1990.

Lawatan selama seminggu ini telah banyak memberi pelajaran dan manfaat kepada para pelajar.

Pelajar-pelajar telah melawat beberapa tempat yang menarik. Antaranya ibu pejabat Palang Merah di Thailand, College of Nursing, Chulalongkorn Hospital, Khemah Pelarian dan beberapa lagi tempat yang menarik.

Semoga Persatuan Bulan Merah UPM akan terus bergiat cergas dan mengadakan pelbagai aktiviti untuk menambahkan pengalaman

# JANGAN SALAHKAN ORANG LAIN

Zulkifle bin Malek

Tutor Unit Bimbingan Dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Encik Fadzil Che Din menegaskan bahawa setiap individu mestilah sentiasa mengelakkan diri daripada menyalahkan orang lain apabila menemui kegagalan.

Menurutnya, sikap suka menyalahkan orang lain akan menjejaskan perkembangan diri sesuatu individu itu sendiri.

Sewaktu berceramah yang bertajuk, "Kenali Diri Anda" di dalam "Bengkel Motivasi Diri", beliau menyatakan bahawa kajian-kajian membuktikan bahawa manusia lebih berkecenderungan untuk menggunakan faktor atau unsur luaran (70%) ketika membuat sebarang pertimbangan.

Individu wajib mengenali dirinya merangkumi aspek kekuatan, termasuk mental, perasaan dan fizikal.

Aspek kelemahan diri, peluang serta ancaman yang bakal dihadapi juga perlu diambilkira.

Individu juga harus mengetahui cara bagaimana untuk mengubah dan menyalurkan tenaganya ke arah yang positif dan berkesan.

Pengetahuan dan penggabungan aspek tersebut akan menggerakkan individu menuju ke arah kejayaan di dalam kehidupannya.

"Hanya individu yang mempunyai konsep kendiri positif sahaja akan mampu mencapai kejayaan," tegasnya.

# KURSUS PENINGKATAN ROHANI

Zulkifle Malek

Sempena Maal Hijrah 1411, seramai 18 orang siswa siswi Program Bacelor Pendidikan Dan Kaunseling, semester 3, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) telah mengendalikan "Kursus Peningkatan Rohani Pelajar-pelajar Islam", di Sekolah Menengah Simpang Bekoh, Asahan Melaka pada 21 hingga 23 Julai lalu.

Menurut ketua fasilitator, En. Mat Isa bin Jolan, kursus berkenaan dikendalikan dengan objektif membina kesedaran diri, mewujudkan individu yang berdisiplin, memupuk semangat bekerjasama, serta memahami dan memenuhi matlamat hidup sebagai seorang pelajar Islam yang tulen.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah motivasi, kuliah agama, bengkel, latihan dalam kelompok dan riadah.

"Adalah menjadi harapan kami semoga akan timbul kesedaran diri di kalangan peserta kursus, seterusnya membawa perubahan terhadap sikap dan tingkah laku mereka setelah menjalani kursus ini," jelas En. Mat Isa.

# PENGIJAZAHAN CEKAK

Persatuan Seni Silat Cekak UPM telah mengadakan Majlis Pengijazahan Kali Ke-24, Pengambilan ahli baru bertempat di bilik bacaan Kolej Kediaman Ke-7 pada 24 dan 25 Julai lalu.

Pengijazahan itu dilakukan oleh Presiden merangkap Guru Utama Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Encik Ishak b. Itam. Persatuan Seni Silat Cekak UPM mengadakan majlis pengijazahan dua kali dalam satu sesi pengajian. Seramai 91 ahli baru telah memulakan latihan pertamanya pada 30 Julai dan jumlah ahlinya sekarang ialah 220 orang.

Latihan diadakan dua kali seminggu iaitu pada malam Isnin dan Rabu bermula jam 8.30 hingga 11.00 malam bertempat di depan Fakulti Pengajian Pendidikan. Ahli wanita akan dilatih oleh jurulatih wanita sementara ahli silat lelaki dilatih oleh jurulatih lelaki di tempat yang berasingan.

Cekak UPM telah mengadakan demonstrasi dari masa ke semasa di samping menganjurkan pelbagai aktiviti lain untuk menambahkan ahlinya.

# PROJEK MINGGU PENDIDIKAN



Mohd. Shah Lassim

Kelab Bacelor Pendidikan (Sains Pertanian) 1987/91 UPM telah menganjurkan projek Minggu Pendidikan Negeri Johor Darul Takzim (MPNJ-UPM) pada cuti semester Mei lalu di Kg. Sungai Kapal, Pengerang, Kota Tinggi.

Projek MPNJ-UPM yang dianjurkan bersama oleh kerajaan Johor disertai kira-kira 30 peserta yang diketuai oleh pengarahnya, Encik Ibrahim Arshad.

Kegiatan kelab ini dirasmikan oleh wakil rasmi Menteri Besar Johor, Exco Kerajaan Negeri Johor, Encik Mohd. Yassin Haji Kamari. Turut hadir ialah Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), Prof. Madya Mohd. Shah Haji Lassim dan Pegawai Perhubungan Awam UPM, Encik Rahmat Ismail.

Encik Mohd. Yassin menyeru mahasiswa supaya bergerak cergas bagi membentuk ketahanan diri dan sikap berdikari yang tinggi.

"Semangat bekerja keras tanpa menunggu bantuan daripada kerajaan dalam menentukan masa depan yang lebih terjamin harus disemai dalam jiwa setiap masa," katanya.

Di samping itu, mahasiswa juga perlu peka terhadap keadaan sekitar dan sudah seharusnya memberi sumbangan fizikal dan mental kepada masyarakat terutama luar bandar.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Pengerang, Encik Hasmoni Haji Salim dalam ucapan penutupnya berharap lebih banyak kegiatan seperti ini diadakan di luar bandar kerana mereka sangat memerlukan khidmat nasihat dalam bidang tertentu.

Walaupun projek ini difahamkan sebagai julung kali dianjurkan tetapi berjaya dilaksanakan dengan sempurna dan besar faedahnya kepada penduduk tempatan.

Sementara itu, Dekan FPP, Prof. Madya Mohd. Shah berkata, projek MPNJ–UPM ini diharapkan berupaya memberi pendedahan dan pengalaman baru kepada Mahasiswa terbabit.

Adalah menjadi tujuan FPP supaya memberi pendedahan awal kepada mahasiswa semoga mereka dapat mengetahui budaya hidup sesuatu masyarakat dengan lebih dekat lagi.

"Susah senangnya mengharungi hidup bersama keluarga angkat terutama sektor pertanian tidak secara langsung menimbulkan kesedaran untuk membaiki taraf hidup mereka," tambahnya.

Manakala Encik Ibrahim pula berpendapat bahawa projek ini memberi peluang kepada mahasiswa menunjukkan kebolehan mereka mengikut kerjaya yang diceburi.



Bapa angkat, Encik Khalil Hj. Noor menerima benih pokok daripada Encik Mohd. Yassin Kamari, Exco Negeri Johor.

Kelabnya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Penyelaras Keluarga Angkat, Encik Lugiman Sastero yang memberi kerjasama sepenuhnya sehingga tamat bengkel dan kursus.

Di antara kegiatan yang dijalankan ialah bengkel kerjaya usahawan Simenfero, kepimpinan pelajar, kaedah pembiakan tanaman, pameran dan tayangan filem dokumentari UPM.

Pejabat Penerangan dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi serta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) turut membantu menjayakan projek

# SARAH CHUNG KE SEPANYOL

Jaguh tae-kwan-do negara, Sarah Chung mengetuai enam peserta lagi ke kejohanan Tae-kwan-do Universiti-universiti Sedunia ke-2 di Santader, Sepanyol pada 5 hingga 9 April depan.

Pengurus pasukan yang mengetuai Unit Sukan Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Encik Yong Bang Kuang berkata, mereka dipilih berdasarkan pencapaian cemerlang di kejohanan tae-kwan-do anjuran Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) di UPM lalu.

Mereka yang dipilih ialah Abdullah Jaafar, Ling Chee Hoe, Koreti Mojugit, Lim Huey Ming dan Fatawari Ridhwan dari UPM dan Wooi Boon Siong dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pasukan ini akan cuba membawa kejayaan yang cemerlang setelah menjalani latihan yang pesat dan penuh disiplin di bawah jurulatih, Encik Wong Hee Kee.



Prof. Sulaiman menerima bendera daripada Dato' Najib.

Setiap peserta akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan bagi mengharumkan nama negara di samping menimba pengalaman baru.

Beliau masih mencari penaja untuk membiayai perbelanjaan semua peserta ke kejohanan sedunia kerana pihak MASUM hanya memberi bantuan yang berpatutan sahaja dan ini tidak mencukupi

Encik Yong berkata beliau memerlukan kira-kira $30,000 bagi menampung semua perbelanjaan semasa di kejohanan itu.

Bagaimanapun, pihaknya berterima kasih kepada pihak UPM dan MASUM yang memberi kerjasama sepenuhnya bagi membantu pasukan ini menjalani latihan pesat seterusnya akan bertanding ke kejohanan akan datang.

# MALAM ANUGERAH SUKAN

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak mencadangkan supaya pihak universiti di negara ini mengadakan skim insentif kepada ahli sukan di kalangan pelajarnya.

Skim ini tidak secara langsung akan dapat melahirkan lebih ramai athlit yang boleh diketengahkan untuk bertanding di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kementeriannya akan memberi segala sokongan dan kerjasama semata-mata untuk meningkatkan lagi mutu sukan di universiti.

Bagi memudahkan skim insentif itu dijalankan, pihaknya sanggup menganjurkan kursus dan menyediakan pegawai serta kemudahan latihan kepada athlit semoga dapat meningkatkan prestasi mereka.

Dalam ucapannya yang disampaikan oleh Setiausaha Parlimennya, Encik Awang Jabar di majlis Malam Anugerah Sukan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) beliau berkata, pihak universiti perlu memberi tumpuan beberapa bidang sukan yang boleh membawa kejayaan sahaja.

Selaras dengan kemudahan yang disediakan amat wajar pihak universiti membuat perancangan agar berupaya menonjolkan beberapa ahli sukan yang bertaraf profesional.

Beliau tidak menafikan ada sesetengah athlit universiti mula menjadi tumpuan daripada badan-badan sukan terbabit yang ingin melatih dan sekaligus menyerapkan mereka dalam skuad kebangsaan.

"Saya tidak mahu melihat pelajar yang aktif dalam sukan apabila memasuki universiti terus memencilkan diri dan menganggap universiti sebagai tempat membunuh minat mereka," katanya.

Tetapi sebaliknya, mereka perlu meningkatkan lagi pencapaian mereka dengan menggunakan kemudahan yang ada sebagaimana yang dibuktikan oleh athlit lain yang juga penuntut universiti.

Beliau berharap kerjasama di antara kerajaan dan universiti akan dapat melahirkan objektif sukan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Pada Malam Anugerah Sukan UPM itu, jaguh tae-kwan-do negara pemenang pingat emas Sukan Sea, Sarah Chung dan perejam lembing negara, Mohd Yazid Imran dipilih sebagai olahragawati dan olahragawan UPM pada tahun ini.

Jaguh heptatlon negara, Zaiton Othman turut hadir sama sebagai tetamu kehormat.



Mohd. Yazid (kanan) menerima piala daripada Encik Awang Jabar

dari muka 1

lam semua keadaan. Mesti berani, agresif dan menonjol. Mempunyai nilai-nilai positif dan boleh menawan sesiapa yang ditemui dalam temuduga walaupun pada kali pertama berjumpa.

**AM** : Akhir sekali, bolehkah Prof. terangkan harapan Prof. terhadap pelajar baru dan lama.

**TNC** : Tidak ada bezanya pelajar lama dan baru. Sama saja. Hidup di kampus ini sebagai satu keluarga, saling bantu membantu. Pelajar baru yang memiliki keistimewaannya perlu didedahkan dan kalau perlu berkongsi dengan pelajar lama.

Harapan saya ialah pergerakan mahasiswa di peringkat Fakulti perlu dipertingkatkan. Kebanyakan kegiatan dijalankan oleh kolej kediaman dan persatuan kokurikulum sahaja. Perhimpunan yang dijalankan oleh persatuan di peringkat Fakulti tidak ketara. Presiden Fakulti perlu bergerak cergas dan serius terhadap ahlinya dan menganjurkan kegiatan selain daripada sukan.

## UCAPAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEP) DI MAJLIS ANUGERAH SUKAN KOLEJ PENDITA ZAABA PADA 22 MAC. 1990

*Minat TNC (HEP), UPM bukan sahaja tertumpu kepada kegiatan persatuan dan kebudayaan tetapi bidang sukan juga menambat hatinya.*

*Beliau banyak memberi dorongan kepada ahli sukan, malah melalui ucapan, ceramah dan seminar demi untuk kemajuan sukan UPM.*

*Tetapi di Majlis Anugerah Sukan Kolej Pendita Zaaba, Mac lalu, beliau menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi melalui laras bahasa pantun. Ikutilah pantunnya di bawah ini.*

*Sukan latihan penuh kebaikan
Menanam nilai murni dan semangat wira
Pihak universiti menaruh harapan
Graduan dan ahli sukan terus berjaya.*

*Di padang dan gelanggang kita berusaha
Hormat-menghormati menyesuaikan diri
Bantu-membantu sesama kita
Mendukung toleransi terus berdikari.*

*Ahli sukan sememangnya gagah
Rela menyumbang kepada universiti
Mengharum nama kita bermegah
Terus sayang menyelinap ke hati.*

*Pencapaian atlit sungguh membanggakan
Dilapor akhbar berjela-jela
Jika semua pelajar bersukan
TNC dan Pengetua tak pening kepala.*

*Atlit UPM ke sini ke sana
Menjadi johan berbagai gelanggang
Hasrat TNC dan Pengetua semua
Kejohanan sukan terus dipegang.*

*Kemajuan sukan perlukan usaha
Menambah akan kehebatan kita
Jika ahli sukan terus berusaha
Pasti dapat memimpin negara.*

*Jika pelajar mahu berusaha
Bidang sukan dijadikan kerjaya
Kepada pemenang anugerah semua
Tahniah diucap selamat berjaya.*

*Ahli sukan selalu berkawan
Bersaing di dalam semangat kesukanan
Kepada tetamu khas hebat rupawan
Terhutang budi dan kasih pada tuan.*

*Sikap negatif hendaklah dihindari
Sayangkan diri teguhkan hati
Diharap pelajar membangunkan diri
Melalui sukan aktiviti diminati.*

*Bersukan kita mencatur masa
Rajin ditanam dituai budi
Kepada yang menjadi ahli jawatankuasa
Terima kasih daun keladi.*

*Ahli sukan banyak berjasa
Ada yang johan bukan kepalang
Semua pelajar menduduki periksa
Lulus semua dengan cemerlang.*

*Saya doakan pelajar berjaya
Mencapai kejayaan tidaklah jemu
Sampai di sini ucapan saya
Takut tersilap membosan tetamu.*

*Ahli sukan penuh upaya
Tabah gagah semangat membaraSekian sahaja
pantunan saya
Majulah sukan untuk negara.*

# PENGALAMAN PENGETUA K.P.Z. DI TANAH SUCI

EDA.

Pengalaman merupakan sesuatu peristiwa yang akan menjadi kenangan yang terpahat di hati juga menjadi panduan hidup bagi individu dan orang yang mendengarnya.

Begitulah juga bagi Tuan Haji Ali bin Haji Yaacob yang telah selamat sampai ke tanahair pada 20 Jun 1990 dan sebagai seorang ayah kepada penghuni di K.P.Z. beliau telah menceritakan pengalaman beliau semasa menunaikan fardu haji, di dalam majlis 'Malam Kemenangan' di dewan makan K.P.Z.

Pada hari pertama, setelah sampai di lapangan terbang di Jeddah, rombongan beliau telah terperangkap di situ lebih kurang 10 jam disebabkan kesesakan lalu lintas.

Beliau telah berniat untuk melakukan segala amal ibadat sebaik mungkin bila beliau menjejakkan kaki di tanah suci.

Pelbagai karenah manusia yang disaksikan dan kesemuanya merupakan perbuatan yang pernah dilakukan di masa lalu.

Semasa berada di Mekah, setelah melakukan saie, beliau kemudian ingin mengambil wuduk semula, di mana ketika itu para jemaah haji berpusu-pusu masuk untuk mengambil saf sembahyang, suatu kejadian yang menggerunkan telah berlaku di mana beliau terpaksa menyelamatkan nyawa beliau dengan memeluk tiang yang ada di situ bersama seorang pemuda yang beliau sempat selamatkan.

Kejadian ini juga menyebabkan para jemaah yang lain tidak dapat mengawal diri dan terpaksa amerelakan diri dihimpit, ditolak dan dipijak.

Seperti jemaah lain, beliau juga ingin mengucup batu Hajarul Aswad dan beliau melihat mereka sanggup melakukan pelbagai cara untuk mendapatkannya.

Bagi Tuan Haji Ali, pada ketika itu beliau hanya dapat berniat bahawa akan menciumnya dengan cara yang paling baik dan tenang tetapi bukan secara kasar.

Sehari sebelum wukuf, hajat beliau yang ingin bersembahyang di setiap penjuru Kaabah telah dimakbulkan oleh Allah Taala.

Pada hari yang sama, sedang beliau asyik mencari punca kain yang menyelubungi Kaabah, dengan kuasa Ilahi, beliau dapati dirinya seolah-olah ditolak ke arah Hajarul Aswad dan tanpa membuang masa beliau terus meletakkan muka beliau ke batu itu tetapi beliau tidak dapat mengucupnya.

Oleh kerana beliau khuatir jemaah lain akan tertunggu begitu lama, beliau pun beredar dari situ dan setelah itu barulah beliau sedar bahawa bahagian dalam Hajarul Aswad melengkung menyebabkan beliau tidak menciumnya.

Sedang beliau melontar batu di Arafah, tiba-tiba seketul batu hinggap di kepalanya. Sertamerta beliau menoleh ke belakang dan mendapat seorang jemaah haji yang lebih rendah daripada beliau sedang melontar batu-batu kecil itu. Tercetuslah di hati beliau, mungkinkah di masa yang silam beliau pernah melakukan kepada orang lain.

Berikutan dari peristiwa itu, beliau membuat kesimpulan bahawa setiap kejadian yang berlaku pasti ada hikmatnya.

Pengalaman yang dikongsikan oleh beliau bersama anak-anak K.P.Z. sungguh mempesonakan di samping itu juga beliau memberikan pengajaran dan nasihat agar kita, hamba Allah yang hina tidak lari dari menghadapi segala apa jua masalah dan sentiasa bersiap sedia untuk terus berjuang.



Masjid Nabawi

## BIASISWA ICI

MUHAMMAD ZAWAWI YUSOF



Nasri



Abdul Rahman

Dua siswa Fakulti Kejuruteraan UPM menerima biasiswa ICI bernilai $4,000 setiap seorang setahun untuk tempoh empat tahun.

Mereka ialah Nasri Sulaiman dari Kelantan dan Abdul Rahman Din dari Pulau Pinang.

Mereka di antara lima mahasiswa tempatan yang menerima anugerah tersebut pada tahun ini. Penerima biasiswa tersebut dinilai dari kecemerlangan dalam bidang akademik serta kegiatan sukan dan kurikulum.

Nasri Sulaiman dari Kampung Pintu Gong Kota Bharu, merupakan pelajar bongsu dari Program Bacelor Kejuruteraan (Elektronik/Komputer).

Anak keenam dari tujuh beradik, mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kota, Kota Bharu Kelantan. Sebelum mengikuti program Matrikulasi Sains Fizik.

"Saya merasa bersyukur dan bertuah kerana dipilih untuk menerima biasiswa ICI" katanya.

"Dengan anugerah ini akan mendorong saya untuk belajar dengan bersungguh lagi di peringkat bacelor", katanya lagi.

Beliau pernah menerima anugerah pelajar terbaik akademik Kolej Pendita Zaaba pada tahun 1989 dan 1990. Pernah menyandang jawatan Naib Presiden Persatuan pelajar-pelajar matrikulasi (MASA).

Sementara Abdul Rahman Din, sekarang menetap di Kulim Kedah, pelajar bongsu Program Bacelor Kejuruteraan (Mekanikal/Sistem).

Anak keenam dari tujuh beradik, mengikuti program Matrikulasi Sains di Kulim Kedah sebelum datang ke Kampus Induk.

Dalam akademik, pernah menerima anugerah Kelas Kedua Augerah Pengetua, semasa mengikuti program Matrikulasi Sains.

"Alhamdulillah saya bersyukur kerana telah diterima untuk menerima anugerah tersebut," katanya.

"Saya rasa bangga dan bertuah kerana ramai yang mencuba tetapi tidak berjaya", katanya lagi.

Semasa di Sekolah Abdul Rahman pernah mewakili negeri Kedah dalam sukan hoki dan bola sepak.

Skim Biasiswa ICI telah dimulakan pada tahun 1961 dan seramai 107 pelajar di bidang Kejuruteraan, Kimia, Sains Pertanian dan Perubatan telah menerimanya.

## *Seminar Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia*

**AIR Keroh, 10 Ogos – Pengarah Felcra Negeri Melaka, Encik Ahmad bin Shaari menyarankan kepada anak-anak peserta yang akan menghadapi peperiksaan tahun ini akan lebih berusaha lagi untuk memastikan kejayaan mereka di masa hadapan.**

Sesuatu kejayaan bukanlah bergantung kepada guru dan ibu bapa sahaja, sebaliknya kejayaan itu terletak atas semangat dan kegigihan pada diri sendiri.

Demikianlah saran Pengarah Felcra Negeri Melaka, Encik Ahmad bin Shaari ketika merasmikan Seminar Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia kepada anak-anak peserta Felcra Negeri Melaka di Gelanggang Budaya Air Keroh pada 10 Ogos 1990.

Di samping itu, anak-anak peserta Felcra ini juga didedahkan mengenai tanggungjawab dan peranan Felcra yang sebenar. Pendedahan ini adalah wajar bagi pendidikan awal bagi anak-anak peserta agar mereka lebih memahami peranan dan tanggungjawab Felcra dengan lebih dekat lagi.

Seramai 61 orang telah menghadiri seminar tersebut, mereka terdiri dari anak-anak peserta Felcra Negeri Melaka yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini.

Seminar tersebut bertujuan memberikan keyakinan kepada anak-anak peserta bagi menghadapi peperiksaan melalui latihan-latihan menjawab soalan serta penyelesaian masalah. Di samping itu juga dapat mengulangkaji pelajaran-pelajaran yang berdasarkan kepada sukatan pelajaran.

Menambahkan kecekapan menggunakan kemahiran-kemahiran dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pelajaran tersebut.

Dari segi sosial pelajar-pelajar akan dapat berinteraksi antara satu sama lain serta bertukar-tukar pendapat bagi memperbaiki inveroman rancangan Felcra.

Penceramah-penceramah telah didatangkan dari Jabatan Pendidikan Melaka dan sekolah-sekolah di seluruh negeri Melaka.

### *GENTLY WITH THE NIGHT*

*Go gently with the night*
*prsue it with hopes*
*crown it with most*
*passion that grew*
*in darkness*
*and crimson fire-flies*
*laughed in its brightness*
*of the night*

*Go gently with the night*
*the pain subdue in the blindness*
*the fragrance numb. conciousness*
*and lovely figures lay open*
*like bud of roses*
*blooming in autumn*

*Go gently with the night*
*for the night won't last long.*

– NIDA –

## EKSPEDISI JALAN KAKI

Seramai 47 orang pelajar Universiti Pertanian Malaysia (UPM), berjaya menakluki jalan raya Serdang–Port Dickson di dalam Ekspedisi Berjalan Kaki Serdang-Port Dickson yang berjalan selama seminggu, berakhir 10 Jun lalu.

Ekspedisi itu adalah antara acara yang diadakan sempena Bengkel Pembinaan Nilai-nilai Baik Pelajar, anjuran Hal-Ehwal Pelajar UPM.

Ia bertujuan mengenali, merasai dan memahami erti tabah, cekal dan gigih dalam usaha memupuk nilai-nilai baik untuk pembinaan ketahanan diri dan memahami cabaran dari alam.

Antara tempat-tempat perhentian ekspedisi itu ialah Sekolah Rendah Agama, Beranang, Gelanggang Budaya Paroi, Kampung Bemban dan Baitul Hillal, Teluk Kemang.

Menurut Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan, Dato' Shahardin b. Hj. Hashim, kegiatan itu patut dijadikan contoh oleh pelajar-pelajar lain kerana ia dapat menguji kesabaran dan ketabahan pelajar. Beliau juga mengucapkan syabas kepada kakitangan HEP dan para mahasiswa UPM di atas kejayaan itu.

Pelajar-pelajar itu juga diberikan keluarga angkat untuk tempoh enam jam mereka berada di Kampung Bemban, Port Dickson.

Ekspedisi itu diketuai oleh siswa semester lima, dari program Ijazah Pendidikan Bahasa Malaysia, Saudara Zulkarnain b. Fauzi.

Bengkel Nilai-nilai Baik Pelajar pula dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Sulaiman Hj. Yassin. Beliau menaruh harapan kepada pelajar-pelajar agar nilai-nilai baik dipupuk untuk kemajuan dan kesejahteraan diri dan masyarakat.

Pada hari keenam, pelajar-pelajar menjalankan soal selidik mengenai Status Mahasiswa UPM Masa Kini dan Port Dickson Sebagai Tempat Pelancongan.

Diterbitkan oleh Bahagian Hal-Ehwal Pelajar, UPM Dicetak oleh Utusan Printcorp Sdn. Berhad, Kuala Lumpur. Tel: 2216144